*Merealisasikan Harapan Rakyat*

PERDA

LEMBAGA KEMAJUAN WILAYAH PULAU PINANG

*PENANG REGIONAL DEVELOPMENT AUTHORITY*

# LAPORAN TAHUNAN

# 2015

Agensi di bawah kawal selia : ICU JPM

ICU

JABATAN PERDANA MENTERI



"Memahami denyut nadi rakyat serta realiti kehidupan, saya mahukan falsafah tunjang kepada pembikinan Bajet tahun ini mestilah menitikberatkan keseimbangan antara *capital economy* dan *people economy*"

**DATO' SRI MOHD. NAJIB TUN HAJI ABDUL RAZAK**
Perdana Menteri dan Menteri Kewangan Malaysia

# KANDUNGAN


**PERUTUSAN PENGERUSI** 01

**ALUAN PENGURUS BESAR** 04

**LATAR BELAKANG ORGANISASI** 07

**PROFIL KORPORAT** 11
Lembaga Pengarah
Pengurusan Atasan
Pengurus-Pengurus Bahagian & Ketua-Ketua Unit
Jawatankuasa Audit PERDA

**INFORMASI PERSONEL** 18
Pengurusan Perjawatan
Pengurusan Latihan
Pengiktirafan & Kualiti

**PRESTASI KEWANGAN** 22
Prestasi Perbelanjaan Mengurus
Prestasi Perbelanjaan Pembangunan

**INFRASTRUKTUR ICT** 32
Pengukuhan Infrastruktur & Keselamatan ICT
Pembangunan & Pengukuhan Sistem Aplikasi Sokongan
Pemantapan Perkhidmatan Penyampaian ICT

**PERDA-TECH** 36
Pembangunan Latihan Kemahiran

**PEMBANGUNAN HARTANAH** 40
Projek Pembangunan Yang Telah Siap
Projek Pembangunan Dalam Pembinaan
Projek Pembangunan Dalam Perancangan

**PEMBANGUNAN EKONOMI** 46
Skim Sokongan Pembangunan Usahawan Pertengahan (SSPUP)
Program Pembangunan Usahawan Mikro
Program Ekspo Usahawan Bumiputera Pulau Pinang (PenBEX)
Program Pembangunan *Homestay*
Pembangunan SDSI Pandai Besi Pekan Darat

**PEMBANGUNAN MODAL INSAN** 56
Mutiara Program Didik Cemerlang Akademik (MPDCA)
Program Belia Pewaris Nusa & *U-Lead*
Skim Pembangunan Kesejahteraan Rakyat (SPKR)

**ANAK SYARIKAT - PERDA VENTURES INCORPORATED SDN.BHD. (PVISB)** 64
Pembangunan Hartanah PVISB
PERDA *Veggie Park*
Agro Industri
Pengurusan Midtown PERDA
Perkhidmatan Pembersihan & Penyelenggaraan

**PENILAIAN OUTCOME** 72
Penilaian *Outcome* Program Belia Pewaris Nusa & *U-Lead*
Penilaian *Outcome* Program Skim Pembangunan Kesejahteraan Rakyat (SPKR)
Penilaian *Outcome* Program Skim Sokongan Usahawan Pertengahan
Penilaian *Outcome* Mutiara Program Didik Cemerlang PDCA (MPDCA)
Penilaian *Outcome* Program Pembangunan Usahawan Mikro (Promosi & Pemasaran)
Penilaian *Outcome* Program PenBEX 2015
Kajian Impak Program Pembangunan Tenaga Mahir & Latihan Kemahiran

**DIARI PERISTIWA PERDA 2015** 84

**PERDA DI AKHBAR** 96

**PENYATA KEWANGAN PERDA 2015** 99

# JADUAL


JADUAL 1 — 13
Senarai Kehadiran Mesyuarat Lembaga Pengarah

JADUAL 2 — 16
Keanggotaan Jawatankuasa Audit PERDA

JADUAL 3 — 19
Kedudukan Perjawatan PERDA Sehingga 31 Disember 2015

JADUAL 4 — 20
Pelaksanaan Program Latihan Anggota Kerja PERDA Tahun 2015

JADUAL 5 — 21
Pengiktirafan Yang Dicapai oleh PERDA Dalam Tahun 2015

JADUAL 6 — 24
Prestasi Perbelanjaan Mengurus sehingga 31 Disember 2015

JADUAL 7 — 26
Perincian Peruntukan Pembangunan Serta Prestasi Perbelanjaan Berdasarkan Program/Projek Sehingga 31 Disember 2015

JADUAL 8 — 27
Prestasi Perbelanjaan Sumber Dalaman (Mengurus & Pembangunan) Sehingga 31 Disember 2015

JADUAL 9 — 27
Perincian Peruntukan & Prestasi Perbelanjaan Sumber Dalaman Bagi Program/Projek Pembangunan Sehingga 31 Disember 2015

JADUAL 10 — 29
Prestasi Perbelanjaan Wang Amanah Pembangunan Sehingga 31 Disember 2015

JADUAL 10(I) — 31
Perbandingan Prestasi Kewangan PERDA Bagi Tahun 2011 Hingga 2015

JADUAL 11 — 34
Aktiviti Pengukuhan Infrastruktur Dan Keselamatan ICT

JADUAL 12 — 35
Pembangunan Sistem Aplikasi Sokongan Tahun 2015

JADUAL 13 — 38
Bidang Pengajian Yang Ditawarkan Di PERDA-TECH Tahun 2015

JADUAL 14 — 48
Program Promosi Luar Negara Tahun 2015

JADUAL 15 — 50
Aktiviti Kursus/Latihan Usahawan Mikro

JADUAL 16 — 52
Senarai *Homestay* Bimbingan PERDA

JADUAL 17 — 58
Aktiviti Program MPDCA PERDA Tahun 2015

JADUAL 18 — 59
Keputusan Peperiksaan UPSR Tahun 2015 MPDCA PERDA

JADUAL 19 — 61
Program Belia Pewaris Nusa & *U-Lead* Tahun 2015

JADUAL 20 — 63
Program Skim Pembangunan Kesejahteraan Rakyat (SPKR) 2015

JADUAL 21 — 66
Prestasi Pemajuan Taman Desa Ara, SPU

JADUAL 22 — 66
Projek Pembangunan Telok Bahang, DBD

JADUAL 23 — 67
Senarai Pengusaha PERDA *Veggie Park*

JADUAL 24 — 74
*Outcome* Program Belia Pewaris Nusa & *U-Lead*

JADUAL 25 — 76
*Outcome* Skim Pembangunan Kesejahteraan Rakyat (SPKR)

JADUAL 26 — 76
*Outcome* Skim Sokongan Pembangunan Usahawan Pertengahan (SSPUP)

JADUAL 27 — 77
*Outcome* Mutiara PDCA

JADUAL 28 — 78
*Outcome* Program Pembangunan Usahawan MIKRO

JADUAL 29 — 80
*Outcome* Program PenBEX

# RAJAH

RAJAH 1 | 08
Kawasan Operasi PERDA

RAJAH 2 | 10
Susunan Kedudukan PERDA di bawah ICU,JPM

RAJAH 3 | 17
Struktur Organisasi PERDA

RAJAH 4 | 20
Laporan Pematuhan 7 Hari Latihan (Anggota Tetap)

RAJAH 5 | 25
Perbandingan Prestasi Perbelanjaan Peruntukan Mengurus Tahun 2014 & 2015

RAJAH 6 | 26
Perbandingan Prestasi Perbelanjaan Peruntukan Pembangunan Wang Semasa Bagi Tahun 2014 & 2015

RAJAH 7 | 28
Perbandingan Prestasi Perbelanjaan Peruntukan Pembangunan Sumber Dalaman Bagi Tahun 2014 & 2015

RAJAH 8 | 28
Perbandingan Prestasi Perbelanjaan Peruntukan Pembangunan Wang Amanah Bagi Tahun 2014 & 2015

RAJAH 9 | 30
Perbandingan Prestasi Perbelanjaan Keseluruhan Peruntukan Pembangunan Bagi Tahun 2014 & 2015

RAJAH 9(I) | 30
Perbandingan Prestasi Perbelanjaan Pembangunan Bagi Tahun 2011 Hingga 2015

RAJAH 10 | 39
Himpunan Purata Himpunan Mata (HPNM) Pelajar PERDA-TECH Tahun 2015

RAJAH 11 | 45
Cadangan Pelan Susun Atur Perumahan Machang Bubuk, SPT

RAJAH 12 | 45
Cadangan Pelan Susun Atur PERDA *Food Park* Fasa 2, SPU

RAJAH 13 | 48
Kluster Perniagaan Syarikat

RAJAH 14 | 48
Pecahan Pembiayaan

RAJAH 15 | 49
Bilangan Syarikat Yang Mendapat Manfaat Skim Modal Pusingan

RAJAH 16 | 50
Prestasi Jualan/Pendapatan Mengikut Kluster Perniagaan

RAJAH 17 | 51
Aktiviti Promosi Dan Pemasaran Dalam Negara

RAJAH 18 | 60
Penyertaan Belia Mengikut Sektor

RAJAH 19 | 68
Rekod Jualan Kambing *Boer & Feral* Tahun 2015

RAJAH 20 | 69
Rekod Pergerakan Jualan Ayam Piru Tahun 2015

RAJAH 21 | 70
Hasil & Perbelanjaan MidTown Sehingga 31 Disember 2015

RAJAH 22 | 71
Hasil & Perbelanjaan Unit Pembersihan & Penyelenggaraan Sehingga 31 Disember 2015



# PERUTUSAN PENGERUSI

Petunjuk-petunjuk kejayaan yang dipaparkan di dalam laporan ini, melalui program dan aktiviti yang dilaksanakan oleh PERDA, merupakan manifestasi daripada jalinan kerjasama, iltizam, komitmen dan pemantauan berterusan daripada pihak warga kerja PERDA, pengurusan serta Lembaga Pengarah PERDA sebagai satu *team work* untuk mencapai matlamat *Key Performance Indicator* (KPI) yang ditetapkan untuk tahun 2015.

**DATUK HAJI SHABUDIN HAJI YAHAYA**

# PERUTUSAN PENGERUSI

**Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh,**
**Salam Sejahtera dan Salam 1 Malaysia**

Alhamdulillah saya memanjatkan rasa kesyukuran ke hadrat Allah S.W.T kerana atas taufiq dan innayah-Nya dapat saya mewakili Lembaga Kemajuan Wilayah Pulau Pinang membentangkan Laporan Tahunan 2015 ini. Sebagai petunjuk atau *benchmark*, laporan ini mendedahkan pencapaian PERDA sepanjang tahun lalu, dalam menyelia dan melaksanakan program-program pembangunan dalam aspek sosioekonomi; iaitu melalui aktiviti-aktiviti yang mampu meningkatkan pendapatan golongan sasar, menyediakan perumahan mampu milik, membangun dan mengembangkan produk serta jualan para usahawan, seterusnya menjana pembangunan modal insan di wilayah ini. Ia juga secara langsung membuktikan aspirasi PERDA selaku agensi tunjang penggerak kepada pembangunan masyarakat setempat, dengan maksud "merealisasikan harapan rakyat" yang menjadi moto Lembaga ini.

Di bawah *Rolling Plan* ke 4 (RP4) RMK-10 tahun 2015, PERDA telah diluluskan peruntukan pembangunan sebanyak RM17,550,000.00 bagi pelaksanaan 4 projek pembangunan meliputi satu program sambungan. Selain itu, agensi ini turut diluluskan penggunaan sumber dalaman sebanyak RM22,570,000.00 dan peruntukan Wang Amanah berjumlah RM18,226,972.95 daripada jabatan/agensi lain bagi menampung keperluan keseluruhan peruntukan pembangunan yang tidak mencukupi.

Dalam usaha dan tanggungjawab menyediakan perumahan mampu milik oleh rakyat, PERDA telah berjaya menyiapkan dan memulakan beberapa projek perumahan bercampur mampu milik melalui beberapa pembangunan projek fizikal yang dilaksanakan pada tahun lalu. Salah satu projek perumahan terbaru PERDA ialah Projek Perumahan Bercampur Sungai Bakap Fasa 1, di daerah Seberang Perai Selatan. Projek yang bermula pada 1 Oktober tahun lalu ini akan menyediakan 72 unit rumah kluster kos rendah 2 tingkat, 112 unit rumah kos sederhana 2 tingkat dan 5 unit kedai/pejabat dua tingkat. Projek ini dijangka akan siap menjelang September tahun 2017.

Selain membangunkan projek perumahan mampu milik secara sendiri (*in-house*), PERDA juga melalui anak syarikat yang ditubuhkan iaitu PERDA Venture Incorporated Sdn. Bhd. (PVISB) telah menjalin kerjasama dengan pihak swasta bagi merancak dan mempercepatkan penyediaan rumah mampu milik di wilayah ini. Pada tahun lalu, sebanyak 406 unit rumah bercampur dan 34 unit kedai pejabat telah dibangunkan di Tok Alang, Tasek Gelugor dan Seberang Perai Utara. Projek ini hampir siap sepenuhnya dan lebih daripada sebahagian unit yang dibangunkan telah pun terjual.

PVISB juga sedang melaksanakan pembangunan hartanah di Teluk Bahang, Daerah Barat Daya yang meliputi komponen pemajuan sebuah hotel 13 tingkat, pangsapuri kos rendah untuk 100 unit rumah dan kondominium 213 unit rumah. Usaha-usaha yang berterusan daripada PERDA dan anak syarikat berserta kerjasama dengan syarikat swasta membantu mengisi keperluan permintaan perumahan yang tinggi di negeri ini.

Selain daripada pembangunan fizikal yang meliputi perumahan, kilang dan premis perniagaan, PERDA juga menumpukan pembangunan modal insan yang juga merupakan perkhidmatan teras di lembaga ini. Pembangunan modal insan ini meliputi pembangunan pencapaian pelajar, belia, usahawan dan golongan miskin melalui modul pembangunan yang disediakan. Ini merupakan usaha menyeluruh agensi kerajaan untuk memastikan pembangunan negara berjalan dengan seimbang.

Untuk merealisasikan hasrat ini, PERDA melalui Institut Kemahiran Tinggi PERDA (PERDA-TECH) telah berjaya melahirkan ribuan graduan berkemahiran untuk mengisi peluang pekerjaan di sektor kemahiran yang ditawarkan di negara ini. Pada tahun lalu sahaja, sebanyak 956 orang belia dan beliawanis lepasan SPM yang berkelayakan minimum berpeluang melanjutkan pengajian mereka dalam bidang kemahiran di institusi ini. Pada tahun tersebut juga sebanyak 394 orang graduan telah berjaya menamatkan kursus mereka.

Di peringkat persekolahan pula, PERDA turut terlibat dalam meningkatkan pencapaian akademik para pelajar khususnya tumpuan di peringkat peperiksaan UPSR. Program yang dinamakan Mutiara Program Didik Cemerlang Akademik ini merupakan jalinan kerjasama strategik antara beberapa agensi kerajaan yang lain. Sebanyak 24 modul untuk aktiviti pelajar dan 5 modul untuk guru berjaya dilaksanakan. Keputusan tahun lalu mencatatkan pencapaian sebanyak 10 peratus pelajar sekolah bimbingan PERDA memperolehi 5A, 10 peratus memperolehi 4A dan untuk 3A pula sebanyak 12 peratus daripada 12,320 pelajar yang menerima manfaat daripada program ini.

PERDA juga memberi tumpuan kepada golongan miskin di bawah program e-Kasih, dengan memfokuskan usaha mempertingkatkan pembangunan sosioekonomi golongan ini. Beberapa aktiviti dilaksanakan oleh PERDA dalam membantu golongan ini mempertingkatkan pendapatan mereka agar melepasi Paras Garis Kemiskinan (PGK) melalui program-program seperti Program Peningkatan Pendapatan, pemberian bantuan mesin dan peralatan, serta kursus-kursus yang membolehkan golongan ini melibatkan diri dalam bidang peniagaan.Tahun lalu sahaja seramai 1,076 peserta telah memperolehi faedah daripada kursus dan bengkel yang diadakan, 125 keluarga juga telah menerima faedah Program Peningkatan Pendapatan dan 45 lagi menerima bantuan mesin dan peralatan daripada pihak PERDA.

Dalam aspek pembangunan ekonomi pula, PERDA bersama-sama agensi lain di bawah Focus Group Pembangunan Usahawan dan Koperasi di bawah Majlis Pembangunan Bumiputera Pulau Pinang (MPBPP), telah melaksanakan beberapa aktiviti dan bantuan yang memberi manfaat kepada golongan usahawan daripada pelbagai kelas dan bidang.

Hasilnya sebanyak 300 syarikat usahawan mikro dan 60 syarikat usahawan kelas menengah berjaya dibimbing. Daripada jumlah usahawan mikro yang dibimbing itu, sebanyak 19 usahawan berjaya memperolehi nilai jualan tahunan melebihi RM150,000.00.

Manakala 30 syarikat usahawan kelas menengah pula berjaya memperolehi jumlah jualan tahunan melebihi daripada RM500,000.00. Lebih membanggakan 10 daripada mereka berjaya memperolehi pasaran eksport dengan nilai lebih daripada RM5 juta setahun.

Petunjuk-petunjuk kejayaan yang dipaparkan di dalam laporan ini, melalui program dan aktiviti yang dilaksanakan oleh PERDA, merupakan manifestasi daripada jalinan kerjasama, iltizam, komitmen dan pemantauan berterusan daripada pihak warga kerja PERDA, pengurusan serta Lembaga Pengarah PERDA sebagai satu *team work* untuk mencapai matlamat *Key Performance Indicator* (KPI) yang ditetapkan untuk tahun 2015.

Sehubungan dengan tujuan laporan ini, suka saya mengambil kesempatan untuk merakamkan ucapan penghargaan dan terima kasih khususnya kepada YAB Perdana Menteri, Ketua Pengarah ICU JPM, Ahli-ahli Lembaga Pengarah PERDA, Ahli-ahli MPBPP, jabatan-jabatan dan agensi kerajaan, pemimpin-pemimpin masyarakat dan juga warga kerja PERDA sendiri. Akhir kata saya menyeru *synergy* yang menjadi ramuan kejayaan PERDA ini akan berterusan untuk tahun-tahun akan datang.

Sekian, wassalam.

**DATUK HAJI SHABUDIN HAJI YAHYA**
Pengerusi PERDA

# ALUAN PENGURUS BESAR



Infrastruktur ICT (Information Communication Technology) yang mantap dan capaian tanpa sempadan adalah faktor penting dalam memastikan peningkatan dan kelancaran tadbir urus operasi PERDA. Begitu juga dengan usaha berterusan ke arah meningkatkan penggunaan dan pengetahuan ICT di kalangan warga kerja PERDA sentiasa dijalankan bagi menyokong hala tuju inisiatif Strategik ICT Sektor Awam.

**HAJI SARINGAT HAJI HASSAN**

# ALUAN PENGURUS BESAR

**Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh,**
**Salam Sejahtera dan Salam 1 Malaysia**

Segala kesyukuran serta pujian saya tujukan ke hadrat Allah S.W.T kerana atas izin dan rahmat-Nya, dapatlah kami barisan pengurusan dan warga kerja yang diketuai dan dipimpin oleh YB Pengerusi serta Ahli-ahli Lembaga Pengarah melaksanakan segala tanggungjawab yang diamanahkan untuk membawa pembangunan dan kesejahteraan kepada kumpulan sasar di dalam wilayah pembangunan PERDA untuk tahun 2015.

Bagi melaksanakan segala program dan projek yang di rancangkan ini, PERDA telah diluluskan peruntukan pembangunan sebanyak RM17,550,000.00 bagi pelaksanaan empat projek pembangunan meliputi dua projek sambungan melalui *Rolling Plan* ke 4 RMK-10 tahun 2015. Sehingga 31 Disember 2015, penyaluran peruntukan pembangunan adalah sebanyak RM15,840,942.00 dan perbelanjaan keseluruhan adalah berjumlah RM14,021,249.19 (88.51%).

Agensi ini turut diluluskan penggunaan sumber dalaman iaitu wang hasil terkumpul pembangunan sehingga tahun 2015 sebanyak RM22,570,000.00 bagi menampung keperluan keseluruhan peruntukan pembangunan yang tidak mencukupi. Daripada jumlah ini sebanyak 54.62% telah dibelanjakan.

Di samping itu, PERDA juga menerima peruntukan Wang Amanah berjumlah RM18,226,972.95 daripada jabatan/agensi lain bagi pelaksanaan program & projek pembangunan. Sehingga 31 Disember 2015, sejumlah RM11,644,813.73 (63.89%) daripada peruntukan tersebut telah dibelanjakan. Manakala peruntukan mengurus PERDA tahun 2015, sebanyak RM13,276,572 telah diluluskan di bawah Dasar Sedia Ada (DSA) dan Dasar Baru.

Selain daripada faktor kewangan/peruntukan, kekuatan jentera yang dimiliki iaitu warga kerja yang cemerlang seramai 239 berstatus tetap dan 32 orang kontrak, menjadi kunci kepada keupayaan PERDA untuk melaksanakan segala program dan projek yang dirancangkan.

Tidak dinafikan sumbangan oleh faktor lain, namun aset yang utama ini senantiasa menjadi perhatian pengurusan untuk dikembangkan lagi potensi mereka melalui aktiviti-aktiviti kursus, latihan dan taklimat yang telah dilaksanakan sepanjang tahun 2015. Ia meliputi 22 program latihan dalaman anjuran PERDA dan 131 latihan luaran.

Kekuatan peningkatan tahap kompetensi serta efisiensi anggota kerja dapat dijanakan ke arah menyediakan perkhidmatan yang terbaik dan berkualiti kepada golongan sasar.

Senario perkembangan teknologi maklumat dan komunikasi (ICT) yang pantas telah mejadikan penggunaan instrumen ini semakin signifikan di dalam sistem penyampaian perkhidmatan termasuk PERDA. Oleh yang demikian infrastruktur ICT yang mantap dan capaian tanpa sempadan adalah faktor penting dalam memastikan peningkatan dan kelancaran tadbir urus operasi PERDA. Begitu juga dengan usaha berterusan ke arah meningkatkan penggunaan dan pengetahuan ICT di kalangan warga kerja PERDA sentiasa dijalankan bagi menyokong hala tuju inisiatif Strategik ICT Sektor Awam.

Sehaluan dengan agenda untuk meningkatkan prestasi penyampaian perkhidmatan melalui sistem-sistem aplikasi *online* dan elektronik di agensi, beberapa aktiviti pembangunan sistem aplikasi sokongan telah dilaksanakan dan diguna pakai pada tahun lalu. Antaranya ialah sistem Permohonan Perumahan PERDA (e-SPP) yang membuka pendaftaran secara online kepada orang ramai untuk membeli rumah PERDA; Sistem Pengurusan Geran (myGeran) yang menyediakan kemudahan penyimpanan maklumat berkaitan geran tanah PERDA dan sistem Tempahan Kenderaan dan Pengurusan Kenderaan yang bertujuan merekodkan maklumat pengurusan kenderaan dan juga untuk tempahan kenderaan agensi.

Semua prasarana yang disediakan di Lembaga ini membantu melancarkan kecekapan perkhidmatan teras PERDA sampai kepada golongan sasar. Berkait dengan hal ini, pihak pengurusan juga membuka ruang seluasnya untuk penambahbaikan dan inovasi dalam bekerja kepada warga kerja baik mewakili unit atau bahagian, suatu langkah mengkaji semula prosedur dan tindakan untuk ditambah baik yang hasil atau kesannya memberi kecepatan kepada proses sesuatu perkhidmatan itu sampai kepada penerimanya iaitu golongan sasar. Dengan galakan seperti ini, tahap efisiensi sistem perkhidmatan dapat ditingkatkan.

Maklum balas yang diperolehi daripada forum atau pertemuan yang diadakan dengan golongan sasar juga menjadi *input* kepada usaha penambahbaikan yang berterusan di Lembaga ini.

Begitu juga dengan sebarang komplen atau aduan yang diterima akan diselidiki secara menyeluruh untuk mencari jalan penambahbaikan kepada sebarang masalah yang dibangkitkan oleh penerima perkhidmatan kami, juga daripada pihak-pihak luar yang tidak putus-putus melemparkan pandangan demi kelangsungan penyampaian perkhidmatan PERDA.

Berpegang kepada falsafah kecemerlangan sebagai satu budaya kerja, beberapa pengiktirafan telah diperolehi oleh PERDA antaranya Anugerah Pengurusan Kewangan Indeks Akauntabiliti 4 Bintang (dari Jabatan Audit Negara), Pensijilan ISO 9001: 2008 bagi Program Latihan Kemahiran (PERDA-TECH) dan Program Didik Cemerlang Akademik (PDCA) untuk Golongan Sasar, Anugerah Inovasi Jabatan Perdana Menteri (PERDA-TECH, ketiga kategori *non* ICT), Anugerah Malaysia *Good Design Mark* 2014 (diterima oleh 2 Usahawan bimbingan PERDA) dan beberapa lagi.

Kesempatan ini juga, mewakili barisan pengurusan PERDA saya ingin melafazkan rasa terima kasih tidak terhingga kepada YAB Perdana Menteri selaku menteri yang bertanggungjawab ke atas PERDA, Ketua Pengarah ICU JPM, jabatan-jabatan dan agensi-agensi kerajaan, Ahli-ahli Lembaga Pengarah PERDA, Ahli-ahli MPBPP, dan pemimpin-pemimpin tempatan. Kerana sokongan dan kerjasama yang diperolehi daripada semua pihak ini memungkinkan PERDA mencapai matlamat KPI yang ditetapkan.

Sekian.

"Merealisasikan Harapan Rakyat"

**HAJI SARINGAT HAJI HASSAN**
Pengurus Besar PERDA



# 01 LATAR BELAKANG ORGANISASI

# KAWASAN OPERASI PERDA

## PETUNJUK

- Kawasan Operasi PERDA (Tidak Termasuk Daerah Timur Laut)
- Kawasan Metropolitan
- Kawasan Hutan Simpan

**SPU** Seberang Perai Utara

**SPT** Seberang Perai Tengah

**SPS** Seberang Perai Selatan

**DBD** Daerah Barat Daya

**DTL** Daerah Timur Laut




Kawasan operasi PERDA juga tidak termasuk bandar/pekan yang diwartakan, tanah simpanan, sungai, hutan simpan, kawasan tadahan, simpanan kubur, pantai dan pulau-pulau.

***RAJAH 1*** *: Kawasan Operasi PERDA*

# PENUBUHAN PERDA

Lembaga Kemajuan Wilayah Pulau Pinang (PERDA) telah ditubuhkan pada 1 Jun 1983 di bawah Akta Lembaga Kemajuan Wilayah Pulau Pinang, 1983 (Akta 282). PERDA telah mula beroperasi pada tahun 1984 dan diletakkan di bawah tanggungjawab Kementerian Kemajuan Luar Bandar & Wilayah. Pada 15 Ogos 2005, PERDA telah diletakkan di bawah kawal selia pentadbiran Unit Penyelarasan Pelaksanaan, Jabatan Perdana Menteri (ICU JPM).

# VISI

Agensi pembangunan wilayah yang dinamik dalam menerajui pelaksanaan pembangunan Wilayah Pulau Pinang.

# MISI

Agensi yang menggerak pembangunan masyarakat setempat menerusi pelaksanaan dan pengurusan program/projek sosioekonomi yang berkesan melalui tadbir urus yang baik Wilayah Pulau Pinang.

# OBJEKTIF

- Memajukan masyarakat khususnya kumpulan sasar PERDA dalam semua bidang sosioekonomi melalui usaha-usaha pembangunan manusia, ekonomi dan fizikal dengan tumpuan kepada peningkatan taraf hidup;
- Membangunkan kawasan PERDA menerusi pembangunan industri, perumahan serta kemudahan infrastruktur; dan
- Mengimbangi pembangunan di dalam kawasan operasi PERDA dengan kawasan di luar operasi PERDA.

# FUNGSI

- Memaju, menggalak, membantu dan mengusaha pembangunan ekonomi dan sosial dalam kawasan Lembaga Kemajuan Wilayah Pulau Pinang;
- Memaju, menggalak, membantu dan mengusaha pembangunan tempat tinggal, pertanian, perindustrian dan perdagangan dalam kawasan Lembaga Kemajuan Wilayah Pulau Pinang;
- Mengawal dan menyelaras pelaksanaan aktiviti-aktiviti yang tersebut di atas di dalam Lembaga Kemajuan Wilayah Pulau Pinang.



# KETUA PENGARAH ICU JPM

**Timbalan Ketua Pengarah**
**Sektor Penyelarasan Projek Khas**

**Pengarah**
Bahagian Projek Khas

**Ketua Sekretariat**
Hal Ehwal Khas

**Timbalan Ketua Pengarah**
**Pusat Transformasi Penyampaian**

**Pengarah**
Bahagian Infrastruktur

**Pengarah**
Bahagian Ekonomi

**Pengarah**
Bahagian Badan Berkanun & Pembangunan Institusi

**Pengarah**
Bahagian Penilaian Outcome

**Pengarah**
Bahagian Konsultatif & Referal Teknikal

**Pengarah**
Bahagian Sosial

**Pengarah**
Bahagian Keselamatan

**Timbalan Ketua Pengarah**
**Sektor Pembangunan Strategik**

**Pengarah**
Pusat Bank Data & Inovasi

**Pengarah**
Bahagian Khidmat Pengurusan

**Pengarah**
Bahagian Kesejahteraan Rakyat

**Pengarah**
Bahagian Susun Semula Masyarakat

**Pengarah**
Bahagian Penyelarasan Penyertaan Bumiputera Pulau Pinang

**Ketua Pasukan**
**Pemantauan Projek**

**Pengarah**
PPPN Perlis

**Pengarah**
PPPN Kedah

**Pengarah**
PPPN Pulau Pinang

**Pengurus Besar**
**PERDA**

**Pengarah**
PPPN Perak

**Pengarah**
PPPN Selangor

**Pengarah**
PPPN Wilayah Persekutuan

**Pengarah**
PPPN Negeri Sembilan

**Pengarah**
PPPN Melaka

**Pengarah**
PPPN Pahang

**Pengarah**
PPPN Johor

**Pengarah**
PPPN Terengganu

**Pengarah**
PPPN Kelantan

**Pengarah**
PPPN Sabah

**Pengarah**
PPPN Sarawak

**RAJAH 2**
*SUSUNAN KEDUDUKAN PERDA DI BAWAH ICU JPM*
*Unit Penyelarasan Pelaksanaan, Jabatan Perdana Menteri*



# 02
# PROFIL KORPORAT

# AHLI LEMBAGA PENGARAH PERDA

**Datuk Haji Nor Rizan Mohd.Thani**
Wakil Kerajaan Persekutuan

**Dato' Ir .Dr. Shaik Hussein Mydin**
Timbalan Pengerusi

**Dato' Haji Ahmad Darus**
Wakil Berkedudukan Profesional

**Mohd. Yazid Osman**
Wakil Berkedudukan Profesional



**Dr. Noor Siah Idris**
Wakil Berkedudukan Profesional

**Nor Azri Zulfakar**
Wakil Kerajaan Persekutuan

**Datuk Haji Shabudin Yahaya**
Pengerusi

**Dato' Haji Ja'afar Mahad**
Wakil Kerajaan Persekutuan

**Haji Saringat Haji Hassan**
Pengurus Besar

| BIL | NAMA | MESYUARAT LEMBAGA PENGARAH 2015 | | | | | | | | |
|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|
| | | Bil. 1 23 Jan | Bil. 2 13 Feb | Bil. 3 27Mac | Bil. 4 22 Mei | Bil. 5 24 Jun | Bil. 6 13 Sep | Bil. 7 28 Okt | Bil. 8 27 Nov | Jumlah Kehadiran |
| 1. | **Datuk Haji Shabudin Yahaya** | 1 | 1 | 1 | 1 | 1 | 1 | 1 | 1 | 8/8 |
| 2. | **Dato' Ir. Dr. Shaik Hussein Mydin** | 1 | 1 | 1 | 0 | 1 | 1 | 1 | 0 | 6/8 |
| 3. | **Datuk Haji Nor Rizan Mohd. Thani** | 0 | 0 | 1 | 1 | 1 | 0 | 1 | 1 | 5/8 |
| 4. | **Dato' Haji Ja'afar Mahad** | – | – | – | – | 1 | 1 | 1 | 1 | 4/4 |
| 5. | **Huzaini Ramli** | 0 | 1 | 1 | 1 | – | – | – | – | 3/4 |
| 6. | **Nor Azri Zulfakar** | 1 | 0 | 1 | 1 | 1 | 1 | 1 | 1 | 7/8 |
| 7. | **Dato' Ahmad Darus** | 1 | 1 | 0 | 1 | 1 | 1 | 1 | 1 | 7/8 |
| 8. | **Dr. Noor Siah Idris** | 1 | 1 | 1 | 1 | 1 | 1 | 1 | 1 | 8/8 |
| 9. | **Mohd. Yazid Osman** | 1 | 1 | 1 | 1 | 1 | 1 | 1 | 1 | 8/8 |
| 10. | **Haji Saringat Haji Hassan** | 1 | 1 | 1 | 1 | 1 | – | – | – | 5/5 |
| | **Salhah Salleh (Ahli Gilir)**<br>**Noriyah Kandar (Ahli Gilir)** | | | | | | | | | |

**NOTA:**
**Huzaini Ramli –** Wakil Kerajaan Persekutuan (Sehingga 15 Jun 2015)
**Haji Saringat Haji Hassan –** Pengurus Besar PERDA (Bersara pada 17 Ogos 2015)

***JADUAL 1*** *: Senarai Kehadiran Mesyuarat Lembaga Pengarah PERDA Tahun 2015 (Tempoh 16 Jun 2013-15 Jun 2015 & 16 Jun 2015-15 Jun 2017)*

# PENGURUSAN ATASAN



**HJ. SARINGAT HJ. HASSAN**
PENGURUS BESAR

**HJ. ROSMAN HASHIM**
TIMBALAN PENGURUS BESAR
(PEMBANGUNAN)

**HJH. NORAISHAH CHE DAN**
TIMBALAN PENGURUS BESAR
(PENGURUSAN)

# PENGURUS-PENGURUS BAHAGIAN



**MOHD ASRI BAHARUM**
PERDA-TECH



**NOOR HAYATI ISHAK**
Perancangan Strategik



**ROHAIMI OTHMAN**
Hartanah & Teknikal



**ANUAR SHAHAB**
Khidmat Pengurusan



**ZOLKHIFLI MOHAMED**
Pembangunan Insan



**SAADIN KADIR**
Pembangunan Ekonomi



**NOR RIYANA RAMLI**
Kewangan



**HERETI DESA**
Teknologi Maklumat

# KETUA-KETUA UNIT



**MOHD ZULKIFLI IBRAHIM**
Pelaburan



**MUHAMMAD FAHIMI ABU BAKAR**
Audit Dalam



**YOHANA PUTEH**
Undang - Undang



**BADARIAH AHMAD OYAMA**
Perhubungan Awam



**SAIDATUL IZZAT MOHAMAD SHUKRI**
Integriti

# JAWATANKUASA AUDIT PERDA

Kecemerlangan pengurusan adalah merupakan satu komponen terpenting dalam tadbir urus sektor awam. Antara fungsi dan tanggungjawab Jawatankuasa Audit PERDA termasuk menjalankan audit pengurusan kewangan merangkumi pemeriksaaan terhadap sistem kewangan, kawalan dalaman dan rekod kewangan bagi menentukan sama ada perbelanjaan, hasil, aset dan stor telah diurus mengikut undang-undang, peraturan dan arahan yang berkaitan.

Tumpuan Jawatankuasa Audit PERDA adalah bagi meningkatkan integriti dan akauntabiliti pengurusan dengan mengenal pasti risiko dan memastikan sistem pengawasan dan kawalan sedia ada dapat mengelak daripada terjadi perkara-perkara yang boleh menjejaskan operasi dan reputasi Lembaga.

| NAMA | KEANGGOTAAN |
| --- | --- |
| **Nor Azri Zulfakar**<br>*Ahli Lembaga Pengarah* | Pengerusi |
| **Dato' Ahmad Darus**<br>*Ahli Lembaga Pengarah* | Ahli |
| **Dato' Haji Jaafar Mahad**<br>*Ahli Lembaga Pengarah (Mulai 16 Jun 2015)* | Ahli |
| **Huzaini Ramli**<br>*Ahli Lembaga Pengarah (Sehingga 15 Jun 2015)* | Ahli |
| **Muhammad Fahimi Abu Bakar**<br>*Juruaudit Dalam* | Urus Setia |

***JADUAL 2*** *: Keanggotaan Jawatankuasa Audit PERDA*

Sepanjang tahun 2015, Jawatankuasa Audit PERDA telah berjaya mencapai sasaran sebanyak empat kali bermesyuarat sebagaimana ditetapkan dan laporan telah dibentangkan semasa mesyuarat Lembaga Pengarah PERDA. Melalui pembentangan tersebut, dua cadangan penambahbaikan kepada sistem pengurusan telah diterima pakai oleh pengurusan PERDA iaitu Sistem Pergerakan dan Pangkalan Data Maklumat Geran PERDA dan Sistem Pengurusan Kenderaan PERDA. PERDA juga merupakan antara agensi di bawah Jabatan Perdana Menteri yang menerima penarafan 4 Bintang bagi Akauntabiliti Indeks (AI) Jabatan Audit Negara dengan markah pencapaian sebanyak 91.23% bagi tahun 2015.

***Keanggotaan Jawatankuasa Audit PERDA adalah seperti di Jadual 2.***




Anugerah Penarafan 4 Bintang bagi Akauntabiliti Indeks



Perbincangan dan percambahan fikiran Jawantankuasa Audit Dalam PERDA




**RAJAH 3** : *Struktur Organisasi PERDA*



# 03
# INFORMASI PERSONEL

# INFORMASI PERSONEL

Maklumat personel (PERDA) merangkumi pengurusan perjawatan, pengurusan latihan anggota PERDA serta pengiktirafan dan kualiti yang dicapai oleh PERDA. Sehingga 31 Disember 2015 jumlah keseluruhan anggota kerja PERDA adalah seramai 286 orang berbanding tahun 2014 seramai 275 orang.

## Pengurusan Perjawatan

Jumlah keseluruhan perjawatan tetap yang telah diluluskan kepada PERDA adalah 254 perjawatan yang terdiri daripada pelbagai skim dan gred. Sehingga Disember 2015, pengisian jawatan tetap mencapai 94% dan manakala kekosongan jawatan adalah 6%. Perjawatan kontrak pula berjumlah 32 jawatan dengan sebahagian besar daripada jumlah perjawatan kontrak tersebut adalah untuk keperluan tenaga pengajar di Institut Kemahiran Tinggi PERDA (PERDA-TECH). Perincian kedudukan perjawatan PERDA sehingga 31 Disember 2015 adalah seperti Jadual 3.

## Pengurusan Latihan

Pembangunan sumber manusia di PERDA menjadi fokus utama pengurusan sebagaimana digaris di bawah Pelan Strategik Pembangunan Sumber Manusia PERDA. Setiap anggota PERDA pelu hadir sesi latihan sekurang-kurangnya 7 hari setahun bagi pencapaian objektif kualiti seperti ketetapan Dasar Latihan Sumber Manusia Sektor Awam. Sehingga 3 Disember 2015, seramai 271 anggota telah mencapai 7 hari latihan atau lebih. Secara keseluruhannya, latihan yang telah dilaksanakan kepada anggota kerja pada tahun 2015 menepati keperluan dalam meningkatkan kompetensi dan pengetahuan.

| KUMPULAN/GRED | JUMLAH PERJAWATAN | PENGISIAN | KEKOSONGAN |
|---|---|---|---|
| Pengurusan Tertinggi JUSA C | 1 | 0 | 1 |
| Pengurusan & Profesional (Gred 41- 54) | 79 | 73 | 6 |
| Sokongan (Gred 27- 40) | 78 | 70 | 8 |
| Sokongan (Gred 17- 26) | 65 | 65 | 0 |
| Sokongan (Gred 1- 16) | 31 | 31 | 0 |
| *JUMLAH JAWATAN TETAP* | *254* | *239* | *15* |
| JAWATAN KONTRAK | 32 | 32 | 0 |
| *JUMLAH KESELURUHAN* | *286* | *271* | *15* |

***JADUAL 3*** *: Kedudukan Perjawatan PERDA Sehingga 31 Disember 2015*

## Pengiktirafan dan Kualiti

Sepanjang tahun 2015, PERDA telah berjaya meraih sebanyak 10 pengiktirafan melalui beberapa pertandingan dan persijilan yang disertai oleh PERDA dan PERDA-TECH. Penglibatan dan pengiktirafan yang diraih oleh PERDA telah menyuntikkan lagi semangat dan komitmen berterusan PERDA untuk menjadi agensi pelaksana yang dinamik dalam menerajui pelaksanaan pembangunan. Jadual 5 berikut menunjukkan senarai anugerah/pengiktirafan yang telah diterima oleh PERDA dalam tahun 2015.



Kursus Pemanduan Berhemah



Bengkel Pemurnian Manual Prosedur Kerja dan Fail Meja.

| KUMPULAN/GRED | BILANGAN PROGRAM | BILANGAN PESERTA | JUMLAH HARI |
|---|---|---|---|
| *Latihan Dalaman (Anjuran PERDA)* | 22 | 44 | 550 |
| *Latihan Luaran (Anjuran Lain-Lain Agensi)* | 131 | 282 | 678 |
| *JUMLAH* | **153** | **326** | **1228** |

***JADUAL 4*** *: Pelaksanaan Program Latihan Anggota Kerja PERDA Tahun 2015*




***RAJAH 4*** *: Laporan Pematuhan 7 Hari Latihan (Anggota Tetap)*

| ANUGERAH / PENGIKTIRAFAN | PEMBERI ANUGERAH/ PENGIKTIRAFAN | TARIKH TERIMA |
|---|---|---|
| Persijilan Semula ISO 9001: 2008 (Skop Pengurusan dan Latihan Kemahiran Golongan Sasar) dan Pengurusan Mutiara Didik Cemerlang PDCA untuk Golongan Sasar | SIRIM | 12 Februari '15 |
| Pertandingan Inovasi Peringkat Kebangsaan di POLIMAS, Jitra Kedah (Kategori IPTA)i-Compex 2015<br>• Jabatan Kejuruteraan Elektrik - 1 Emas 1 Gangsa<br>• Jabatan Teknologi Pembuatan - 1 Perak & 1 Gangsa<br>• Jabatan Teknologi Kimpalan - 1 Perak<br>• Jabatan Kejuruteraan Pertanian - 1 Gangsa | Kementerian Pendidikan Malaysia | 10 Mac '15 |
| Anugerah Malaysia *Good Design Mark* 2014<br>(Anugerah ke atas reka bentuk pembungkusan produk keluaran 2 usahawan bimbingan) | Majlis Reka bentuk Malaysia | 16 April '15 |
| Pertandingan *International Engineering Invention and Innovation Exhibition* (I-ENVEX)<br>Jabatan Teknologi Pembuatan -1 Emas & 1 Gangsa | Peringkat Antarabangsa Anjuran UNIMAP | 19 April '15 |
| Penyertaan *Invention, Innovation & Design Exposition* 2015 (IIDEX 2015)<br>Jabatan Kejuruteraan Elektrik - 1 Perak & 2 Gangsa | UITM Shah Alam | 30 April '15 |
| Penyertaan KIK Peringkat Jabatan Perdana Menteri | Jabatan Perdana Menteri | 15 – 16 Jun '15 |
| Pertandingan KOIR Peringkat ICU, JPM<br>PERDA- Johan | ICU JPM | 14 September '15 |
| Anugerah Inovasi Jabatan Perdana Menteri 2014<br>PERDA-TECH -Tempat Ke 3 Bagi Kategori Non ICT | Jabatan Perdana Menteri | 29 September '15 |
| Anugerah Pengurusan Kewangan Indeks Akauntabiliti 4 Bintang | Jabatan Audit Negara | 2 Disember '15 |
| Pengikitrafan Usahawan Bimbingan PERDA ( 7 usahawan)<br>• Ainas Food – Anugerah Usahawan Asas Tani Tasek Gelugor<br>• Alive Universal Sdn. Bhd. – Anugerah Tokoh Usahawan Mara P.Pinang 2015<br>• Anugerah SDSI Peringkat Nasional Melaka 2015<br>i. Jeruk Madu Pak Ali Sdn. Bhd.<br>ii. MTC Advance Sdn. Bhd.<br>iii. Million Stars Sdn. Bhd. (No. 2 Kategori Produk Kesihatan)<br>iv. AFA Food . (No. 1 Kategori Usahawan Harapan)<br>• D Syzian Enterprise – Anugerah Usahawan Wanita Cemerlang AIM | Pelbagai Peringkat<br>Parlimen Tasek Gelugor,Pulau Pinang<br>MARA Pulau Pinang<br>Peringkat Nasional Melaka 2015<br><br><br><br><br><br>Peringkat Negeri Pulau Pinang | Sepanjang Tahun |

***JADUAL 5*** *: Pengiktirafan Yang Dicapai oleh PERDA Dalam Tahun 2015*



PERDA - Johan dalam Pertandingan KOIR Peringkat ICU, JPM



Pertandingan Inovasi *i-compax* 2015
PERDA-TECH memenangi Emas, Perak & Gangsa



# 04 PRESTASI KEWANGAN

# PRESTASI KEWANGAN

Peruntukan mengurus tahun 2015 yang telah diluluskan kepada PERDA pada peringkat awal adalah berjumlah RM16,541,000.00 dengan pecahan RM13,541,000.00 di bawah Dasar Sedia Ada dan RM3,000,000.00 di bawah Dasar Baru. Namun demikian, sejumlah RM3,264,428.00 (24.11%) daripada peruntukan Dasar Sedia Ada telah disekat. Ini menyebabkan jumlah peruntukan mengurus yang disalurkan kepada PERDA berkurang kepada RM13,276,572.00.

Peruntukan pembangunan yang diluluskan pada peringkat awal di bawah Rolling Plan ke-4 RMK-10 tahun 2015 adalah berjumlah RM17,550,000.00. Peruntukan tersebut adalah bagi membiayai pelaksanaan dua projek sambungan iaitu Pembangunan Tenaga Mahir dan Latihan Kemahiran (berjumlah RM5,920,000.00) dan Pembangunan PERDA-TECH (berjumlah RM5,630,000.00) serta dua projek baru Projek Pembinaan Dewan Serbaguna, Pusat Komersial dan lain-Lain kerja berkaitan di Kubang Menerong, Tasek Gelugor, SPU (berjumlah RM4,000,000.00) dan Pembangunan Perumahan Mampu Milik di Sungai Bakap, SPS (berjumlah RM2,000,000.00).

Bagaimanapun, sejumlah RM1,709,058.00 (42.73%) daripada peruntukan Projek Pembinaan Dewan Serbaguna, Pusat Komersial Dan Lain-Lain Kerja Berkaitan Di Kubang Menerong, Tasek Gelugor, SPU telah disekat. Pengenaan waran sekatan tersebut menjadikan jumlah peruntukan yang diterima bagi projek tersebut berkurangan kepada RM2,290,942.00 sahaja. Situasi ini mennyebabkan jumlah penyaluran peruntukan pembangunan keseluruhan berkurang kepada RM15,840,942.00.

PERDA turut memperuntukkan sejumlah RM22,570,000.00 daripada sumber dalaman bagi menampung sebahagian daripada keperluan perbelanjaan 2015. Daripada jumlah tersebut, sebanyak RM20,000,000.00 telah diperuntukkan bagi menampung keperluan Belanja Mengurus manakala sejumlah RM2,570,000.00 pula diperuntukkan bagi membiayai pelaksanaan program/projek pembangunan.

Di samping itu, PERDA juga menerima peruntukan-peruntukan daripada agensi Kerajaan Persekutuan yang lain bagi melaksanakan beberapa program/projek pembangunan dan peruntukan ini diasingkan sebagai Akaun Amanah PERDA.

## Prestasi Perbelanjaan Mengurus

Peruntukan Mengurus yang telah diluluskan di bawah Dasar Sedia Ada dan Dasar Baru berjumlah RM13,276,572.00 didapati masih tidak mencukupi. Bagi menampung kekurangan tersebut, PERDA telah memperuntukkan sumber dalaman (wang hasil) berjumlah RM20,000,000.00. PERDA juga telah mengambil langkah penjimatan dalam membelanjakan sumber dalaman yang diluluskan bagi menampung kekurangan peruntukan.

Sehingga 31 Disember 2015 sejumlah RM9,829,021.12 (49.15%) daripada sumber dalaman telah dibelanjakan bagi membiayai keperluan perbelanjaan mengurus. Prestasi perbelanjaan Mengurus sehingga 31 Disember 2015 ditunjukkan seperti di Jadual 6 dan perbandingan prestasi perbelanjaan Mengurus Tahun 2014 & 2015 seperti di Rajah 5 berikut.

| BUTIRAN | DASAR SEDIA ADA (RM) | DASAR BARU (RM) | SUMBER DALAMAN (RM) | JUMLAH DANA (RM) |
|---|---|---|---|---|
| PERUNTUKAN DILULUSKAN ASAL | 13,541,000.00 | 3,000,000.00 | 20,000,000.00 | 36,541,000.00 |
| SEKATAN PERUNTUKAN | (3,264,428.00) | - | - | (3,264,428.00) |
| PERUNTUKAN DILULUSKAN (DIPINDA) | 10,276,572.00 | 3,000,000.00 | 20,000,000.00 | 33,276,572.00 |
| PERUNTUKAN DITERIMA | 10,276,572.00 | 3,000,000.00 | 20,000,000.00 | 33,276,572.00 |
| PERBELANJAAN SEBENAR | 10,276,572.00 | 3,000,000.00 | 9,829,021.12 | 23,105,593.12 |
| PERATUS PERBELANJAAN | 100% | 100% | 49.15% | 69.43% |
| PERBELANJAAN KESELURUHAN | 10,276,572.00 | 3,000,000.00 | 9,829,021.12 | 23,105,593.12 |
| PERATUS KESELURUHAN | 100% | 100% | 49.15% | 69.43% |
| BAKI | - | - | 10,170,978.88 | 10,170,978.88 |

***JADUAL 6*** *: Prestasi Perbelanjaan Mengurus Sehingga 31 Disember 2015*




***RAJAH 5*** *: Perbandingan Prestasi Perbelanjaan Peruntukan Mengurus Tahun 2014 & 2015*

## Prestasi Perbelanjaan Pembangunan

Peruntukan berjumlah RM17,550,000.00 yang diluluskan pada tahun 2015 adalah bagi membiayai pelaksanaan empat program/projek merangkumi Pembangunan Tenaga Mahir & Latihan Kemahiran sebanyak RM5,920,000.00, Pembangunan PERDA-TECH sebanyak RM5,630,000.00, Projek Pembinaan Dewan Serbaguna, Pusat Komersial dan Lain-Lain Kerja Berkaitan di Kubang Menerong, Tasek Gelugor, SPU sebanyak RM4,000,000.00 dan Projek Pembangunan Perumahan Mampu Milik di Sungai Bakap, SPS sebanyak RM2,000,000.00.

Perincian peruntukan serta prestasi perbelanjaan berdasarkan program/projek adalah seperti di Jadual 7. Sementara Perbandingan Prestasi Perbelanjaan Peruntukan Pembangunan Wang Semasa Bagi Tahun 2014 & Tahun 2015 adalah seperti di Rajah 6 berikut.

| BUTIRAN | WANG SEMASA | | | | |
|---|---|---|---|---|---|
| | PEMBANGUNAN TENAGA MAHIR & LATIHAN KEMAHIRAN | PEMBANGUNAN PERDA-TECH | DEWAN SERBAGUNA | PERUMAHAN SUNGAI BAKAP | JUMLAH |
| **Peruntukan Diluluskan** | RM5,920,000.00 | RM5,630,000.00 | RM4,000,000.00 | RM2,000,000.00 | RM17,550,000.00 |
| **Peruntukan Diterima** | RM5,920,000.00 | RM5,630,000.00 | RM2,290,942.00 | RM2,000,000.00 | RM15,840,942.00 |
| **Perbelanjaan Sebenar** | RM5,920,000.00 | RM5,630,000.00 | RM471,249.19 | RM2,000,000.00 | RM14,021,249.19 |
| **Peratus Perbelanjaan** | 100% | 100% | 20.57% | 100% | 88.51% |
| **Perbelanjaan Keseluruhan** | RM5,920,000.00 | RM5,630,000.00 | RM471,249.19 | RM2,000,000.00 | RM14,021,249.19 |
| **Peratus Keseluruhan** | 100% | 100% | 20.57 % | 100% | 88.51% |
| **BAKI** | - | - | RM1,819,692.81 | - | RM1,819,692.81 |

***JADUAL 7*** : Perincian Peruntukan Pembangunan Serta Prestasi Perbelanjaan Berdasarkan Program/Projek Sehingga 31 Disember 2015




***RAJAH 6*** : Perbandingan Prestasi Perbelanjaan Peruntukan Pembangunan Wang Semasa Bagi Tahun 2014 & Tahun 2015

# Prestasi Perbelanjaan Sumber Dalaman

Sehingga 31 Disember 2015, peruntukan wang hasil yang diluluskan adalah berjumlah RM22,570,00.00. Sejumlah RM2,570,000.00 daripada jumlah tersebut adalah diperuntukkan bagi menampung keperluan program/projek pembangunan manakala sebanyak RM20,000,000.00 diperuntukkan bagi membiayai keperluan belanja mengurus. Prestasi perbelanjaan sumber dalaman secara keseluruhan dan perincian peruntukan sehingga 31 Disember 2015 adalah seperti di Jadual 8 dan Jadual 9. Manakala Rajah 7 berikut menunjukkan perbandingan prestasi perbelanjaan peruntukan pembangunan sumber dalaman bagi tahun 2014 dan 2015.

***JADUAL 8*** :
Prestasi Perbelanjaan Sumber Dalaman (Mengurus & Pembangunan)
Sehingga 31 Disember 2015

| BUTIRAN | JUMLAH |
|---|---|
| Peruntukan | RM22,570,000.00 |
| Perbelanjaan Sebenar | RM12,326,998.38 |
| Peratus Perbelanjaan | 54.62% |
| Perbelanjaan Keseluruhan | RM12,326,998.38 |
| Peratus Keseluruhan | 54.62% |
| ***BAKI*** | ***RM10,243,001.62*** |

| PROGRAM PROJEK | PERUNTUKAN 2015(RM) | BELANJA(RM) | PRESTASI (%) | BAKI(RM) |
|---|---|---|---|---|
| Pengurusan Kilang Bimbingan IKS PERDA *Food Park* | 125,000.00 | 118,245.63 | 94.60 | 6,754.37 |
| Pembangunan Lot Industri *Food Park* Fasa 2 | 679,520.00 | 679,289.56 | 99.97 | 230.44 |
| Pemasaran Hartanah | 265,000.00 | 264,104.10 | 99.66 | 895.90 |
| Penyelenggaraan Tanah & Premis | 990,000.00 | 979,562.35 | 98.95 | 10,437.65 |
| Akaun Akhir | 100,000.00 | 99,824.83 | 99.82 | 175.17 |
| Infrastruktur Fizikal PERDA-TECH | 200,000.00 | 197,176.44 | 98.60 | 2,823.56 |
| Tabung Pelajar | 10,000.00 | 2,450.00 | 24.50 | 7,550.00 |
| CoAS | 100,000.00 | 82,263.35 | 82.26 | 17,736.65 |
| Pembangunan Modal Insan dan Ekonomi SPKR | 100,000.00 | 74,581.00 | 74.58 | 25,419.00 |
| Penyelidikan Pembangunan Bumiputera P. Pinang | 480.00 | 480.00 | 100.00 | 0.00 |
| ***JUMLAH BESAR*** | ***2,570,000.00*** | ***2,497,977.26*** | ***97.20*** | ***72,022.74*** |

***JADUAL 9*** : Perincian Peruntukan & Prestasi Perbelanjaan Sumber Dalaman Bagi Program/Projek Pembangunan Sehingga 31 Disember 2015




***RAJAH 7 :*** *Perbandingan Prestasi Perbelanjaan Peruntukan Pembangunan Sumber Dalaman Bagi Tahun 2014 dan Tahun 2015*

## Prestasi Perbelanjaan Wang Amanah

Baki Wang Amanah yang telah direkodkan sehingga 31 Disember 2015 ialah sebanyak RM18,040,438.92. Wang amanah tersebut ialah bagi membiayai pelaksanaan 20 program/projek. Sehingga 31 Disember 2015, sejumlah RM11,644,813.73 (63.89%) daripada peruntukan amanah telah dibelanjakan. Prestasi perbelanjaan mengikut program/projek sehingga 31 Disember 2015 adalah seperti di Jadual 10 dan sementara Perbandingan Prestasi Perbelanjaan Peruntukan Wang Amanah Bagi Tahun 2014 dan Tahun 2015 adalah seperti di Rajah 8 berikut.




***RAJAH 8 :***
*Perbandingan Prestasi Perbelanjaan Peruntukan Pembangunan Wang Amanah Bagi Tahun 2014 & Tahun 2015*

| BIL | PROGRAM / PROJEK | BAKI PADA 1.1.2015 (RM) | TERIMAAN 2015 (RM) | JUMLAH TERKUMPUL 2015 (RM) | BELANJA (RM) | BAKI (RM) |
|---|---|---|---|---|---|---|
| 1. | Pembangunan Kilang Fasa 1D *Food Park* | 620,045.00 | 74,676.88 | 694,722.00 | 694,722.00 | 0.00 |
| 2. | PPD. Sungai Acheh | 482,027.36 | 0.00 | 482,027.36 | 19,650.00 | 462,377.36 |
| 3. | Projek Pembangunan Perumahan (PPKR) - Tok Alang | 211,162.20 | 0.00 | 211,162.20 | 209,622.02 | 1,540.18 |
| 4. | Program Wang Amanah - PDCA | 1,060,511.38 | 1,939,489.00 | 3,000,000.38 | 2,475,966.29 | 524,034.09 |
| 5. | Program Wang Amanah - Pewaris Nusa | 1,172.90 | 600,000.00 | 601,172.90 | 485,148.70 | 116,024.20 |
| 6. | Program Sukses Asas Teknikal (SAKTI) | 61,339.64 | 201,600.00 | 262,939.64 | 262,939.64 | 0.00 |
| 7. | Skim Rangsangan Usahawan Pertengahan | 2,578,141.25 | 0.00 | 2,578,141.25 | 1,096,138.25 | 1,482,003.00 |
| 8. | Pelancongan Bumiputera | 33,694.11 | 0.00 | 33,694.11 | 31,118.20 | 2,575.91 |
| 9. | SDSI Bengkel Besi Permatang Benuan | 43,918.98 | 36,682.80 | 80,601.78 | 80,578.68 | 23.10 |
| 10. | Kursus Teknologi Pembuatan PERDA-TECH | 204,938.50 | 0.00 | 204,938.50 | 204,938.50 | 0.00 |
| 11. | Promosi Usahawan Bumiputera Di Luar Negara | 11,149.35 | 0.00 | 11,149.35 | 11,149.35 | 0.00 |
| 12. | Program Promosi dan Pemasaran (Mikro) | 193,544.17 | 0.00 | 193,544.17 | 179,636.36 | 13,907.81 |
| 13. | PenBEX 2015 | 0.00 | 811,857.00 | 811,857.00 | 742,446.32 | 69,410.68 |
| 14. | Promosi & Pemasaran Usahawan Dalam Negara | 30,287.20 | 0.00 | 30,287.20 | 30,082.50 | 204.70 |
| 15. | Pembangunan Usahawan Batik dan Kraftangan | 193,579.30 | 0.00 | 193,579.30 | 19,256.00 | 174,323.30 |
| 16. | Penambahbaikan Prasarana *Homestay* | 452,293.00 | 0.00 | 452,293.00 | 444,963.66 | 7,329.34 |
| 17. | Promosi Pelancongan Luar Negara | 191,468.00 | 0.00 | 191,468.00 | 0.00 | 191,468.00 |
| 18. | Pembangunan Produk-Produk Pelancongan Bumiputera | 297,677.00 | 300,000.00 | 597,677.00 | 91,223.15 | 506,453.85 |
| 19. | Program Pembangunan Usahawan Mikro, Kecil & Pertengahan Bumiputera | 0.00 | 2,039,200.00 | 2,039,200.00 | 816,806.92 | 1,222,393.08 |
| 20. | Skim Modal Pusingan Perniagaan Usahawan Bumiputera | 556,517.81 | 5,000,000.00 | 5,556,517.81 | 3,748,427.19 | 1,808,090.62 |
| | ***JUMLAH*** | ***7,223,467.27*** | ***10,928,828.80*** | ***18,226,972.95*** | ***11,644,813.73*** | ***6,582,159.22*** |

***JADUAL 10*** : *Prestasi Perbelanjaan Wang Amanah Pembangunan Sehingga 31 Disember 2015*

# Analisis Prestasi Kewangan RMK-10 (2011- 2015)

Perbandingan prestasi perbelanjaan Mengurus dan Pembangunan secara keseluruhan bagi tempoh lima tahun mulai 2011 hingga 2015 adalah seperti di Rajah 9 dan Rajah 9 (i). Prestasi perbelanjaan Wang Semasa Pembangunan pada tahun 2011 hingga 2014 amat memberangsangkan, walaubagaimanapun terdapat sedikit penurunan pada tahun 2015. Prestasi perbelanjaan Wang Amanah pula bagi tahun 2011 agak rendah namun menunjukkan peningkatan setelah projek Perumahan PPKR Tok Alang, SPU disempurnakan.




***RAJAH 9*** *: Perbandingan Prestasi Perbelanjaan Mengurus Bagi Tahun 2011 Hingga 2015*




***RAJAH 9(i)*** *: Perbandingan Prestasi Perbelanjaan Pembangunan Bagi Tahun 2011 Hingga 2015*

Perbandingan prestasi kewangan PERDA secara keseluruhan bagi tempoh lima tahun mulai 2011 hingga 2015 adalah seperti di Jadual 10(i).

| | BUTIRAN KEWANGAN | TAHUN 2011 (RM) | TAHUN 2012 (RM) | TAHUN 2013 (RM) | TAHUN 2014 (RM) | TAHUN 2015 (RM) |
|---|---|---|---|---|---|---|
| I | Pendapatan | 61,165,652 | 42,028,794 | 74,088,753 | 96,555,767 | 59,899,100 |
| II | Perbelanjaan | 58,535,173 | 33,261,634 | 58,610,760 | 77,171,664 | 51,395,567 |
| III | Lebihan/ (Kurangan) | 2,630,479 | 8,767,160 | 15,477,993 | 19,384,103 | 8,503,533 |
| IV | Lebihan/(Kurangan) Terkumpul | 167,263,744 | 175,564,617 | 190,172,158 | 208,705,613 | 216,412,428 |
| V | Aset Tetap | 306,758,144 | 312,189,741 | 303,269,044 | 318,006,638 | 328,312,747 |
| VI | Aset Semasa | 193,581,594 | 240,820,315 | 369,653,787 | 339,556,226 | 311,813,529 |
| VII | Tanggungan Semasa | 9,697,241 | 8,785,640 | 8,727,324 | 22,360,298 | 19,279,484 |
| VIII | Tanggungan Jangka Panjang | 10,487,272 | 8,392,665 | 24,522,235 | 22,341,483 | 32,996,928 |
| IX | Harta Bersih | 490,642,497 | 544,224,416 | 664,195,507 | 635,202,566 | 620,846,792 |
| | ***NISBAH CAIRAN*** | ***19.96 : 1*** | ***27.41 : 1*** | ***42.36 : 1*** | ***15.19 : 1*** | ***16.17 : 1*** |

Analisis kecairan semasa menunjukkan PERDA mempunyai keupayaan untuk menyelesaikan tanggungan dengan kadar nisbah cairan pada 16.17 :1 pada tahun 2015 berbanding pada kadar 15.19 :1 pada tahun 2014, namun pada tahun 2013 peningkatan nisbah cairan iaitu 42.36 :1 disebabkan rezab (tunai/simpanan tetap) adalah tinggi hasil dari Wang Tabung Akaun Khas MPBPP manakala pada tahun 2012 nisbah cairan 27.41 :1 dan 19.96 :1 pada tahun 2011.

***JADUAL 10(i)*** *: Perbandingan Prestasi Kewangan PERDA Bagi Tahun 2011 Hingga 2015*



# 05

# INFRASTRUKTUR ICT

# INFRASTRUKTUR ICT

Senario perkembangan pesat teknologi maklumat dan komunikasi (ICT) telah menjadikan penggunaannya semakin signifikan dalam sistem penyampaian perkhidmatan agensi. Bagi memastikan PERDA tidak ketinggalan dalam arus perubahan ICT, usaha ke arah meningkatkan penggunaan dan pengetahuan ICT sentiasa dijalankan bagi menyokong hala tuju inisiatif Strategik ICT Sektor Awam.

## i. Pengukuhan Infrastruktur dan Keselamatan ICT

Infrastruktur dan keselamatan ICT yang mantap,kukuh dan boleh dicapai pada bila-bila masa di mana sahaja adalah faktor penting peningkatan dan kelancaran tadbir urus operasi PERDA. Dalam usaha mengawal tahap keselamatan ICT dan menambahbaik infrastruktur ICT pada tahun 2015, beberapa aktiviti telah dijalankan seperti di Jadual 11.

## ii. Pembangunan dan Pengukuhan Sistem Aplikasi Sokongan

Sehaluan dengan agenda untuk meningkatkan prestasi penyampaian perkhidmatan melalui sistem-sistem aplikasi *online* dan elektronik di agensi, beberapa aktiviti pembangunan sistem aplikasi sokongan telah dilaksanakan dan digunapakai pada tahun 2015. Antaranya ialah seperti yang dipaparkan di Jadual 12.

## iii. Pemantapan Perkhidmatan Penyampaian ICT

Sistem penyampaian melalui saluran ICT juga diperkukuhkan lagi dengan galakan penggunaan Laman Web sebagai saluran utama informasi dan pelaksanaan MySMS 15888 sebagai saluran hebahan kepada pelanggan. Sepanjang tahun 2015, sejumlah 826,713 pengunjung telah membuat capaian akses perkhidmatan-perkhidmatan yang disediakan.

| BIL | AKTIVITI | LOKASI | |
|---|---|---|---|
| | | PERDA | PERDATECH |
| ***1.*** | ***Peningkatan Infrastruktur ICT*** | Perolehan peralatan ICT-*Notebook, Printer, Personal Computer, Wireless Presenter, Projector, Touch Screen Monitor, Harddisk* dan UPS | Perolehan peralatan ICT- *Projector, Personal Computer* |
| | | *Virtualisation* Server di atas *platform Citrix XenServer* | *Workstation* untuk tujuan *simulation CNC machine* |
| | | Migrasi 13 server di Pusat Data ke *Platform Virtualisation server* | Naik taraf perkhidmatan talian internet metro-E dari 4 Mbps ke 20 Mbps |
| | | Pembaharuan lesen MS *Office* untuk tempoh 17 bulan | Pemasangan kabel fiber optik di Bangunan ICT, Bangunan HEP, Bengkel Teknologi Pembuatan, Bengkel Kimpalan 1 dan 2, Bengkel Elektrik, Asrama, Masjid dan Kafeteria |
| ***2.*** | ***Pengukuhan Keselamatan ICT*** | Pemasangan kabel *fibre optic* di Ibu Pejabat PERDA | Pemasangan *Internet Access Management* (Sangfor) bagi menapis dan mengawal laman-laman yang tidak dibenarkan |
| | | | Penstrukturan semula *Virtual Local Area Network* (VLAN) bagi menampung capaian alatan komunikasi seperti *smartphone,tablet* dan CCTV |

***JADUAL 11*** *: Aktiviti Pengukuhan Infrastruktur dan Keselamatan ICT*

| BIL | SISTEM | | TUJUAN |
|---|---|---|---|
| 1. | ***Sistem Pengurusan Projek dan Sistem Permohonan Perumahan PERDA*** |   | Sistem ini menyediakan kemudahan pendaftaran pembelian projek perumahan yang siap dan tersedia untuk dijual secara atas talian.<br><br>Selain itu juga, ianya juga menyediakan kemudahan pemilihan pembeli secara automatik berdasarkan kriteria pemilihan yang telah ditentukan oleh pihak PERDA. |
| 2. | ***Sistem Pengurusan Geran*** |   | Sistem ini menyediakan kemudahan penyimpanan maklumat berkaitan dengan geran tanah di bawah pengendalian PERDA.<br><br>Selain itu, ianya juga menyimpan rekod keluar masuk geran di dalam Bilik Kebal dan rekod serahan keluar geran. |
| 3. | ***Sistem Tempahan Kenderaan*** |   | Sistem ini bertujuan untuk merekod maklumat dan mengurus kenderaan PERDA secara sistematik. |
| 4. | ***Sistem Pengurusan Kenderaan*** |   | Sistem ini bertujuan untuk merekod maklumat dan menempah kenderaan PERDA |

***JADUAL 12*** *: Pembangunan Sistem Aplikasi Sokongan Tahun 2015*



# 06

# PERDA-TECH

*Your future begins here*

PERDA-TECH
INSTITUT KEMAHIRAN TINGGI PERDA

# PERDA-TECH

Dalam tempoh Rancangan Malaysia Ke Sepuluh (RMK-10) usaha telah dilaksanakan untuk mengurus PERDA-TECH dan memperluas akses kepada Pendidikan dan Latihan Teknikal dan Vokasional (TVET) yang berkualiti untuk memenuhi keperluan industri yang memerlukan tenaga kerja mahir. PERDA-TECH adalah merupakan jentera pelaksana yang menyumbang kepada usaha mentranformasi TVET sebagai pemacu perubahan selaras dengan permintaan industri dan pertumbuhan ekonomi negara melalui penawaran program-program kemahiran tinggi.

Pelancaran CoAS ini akan menjadikan PERDA-TECH sebagai sebuah institusi yang mempunyai kepakaran dalam bidang-bidang tertentu dan memberi peluang kepada golongan sasar untuk meningkatkan kemahiran di PERDA-TECH. Program pertama yang telah ditawarkan ialah Persijilan Profesional Kimpalan Tertinggi (Oil & Gas).

## Pembangunan Latihan Kemahiran

Sepanjang tahun 2015, PERDA-TECH meneruskan penawaran program pengajian berteraskan kemahiran iaitu 10 program peringkat sijil dan 4 program peringkat diploma. Program pengajian tersebut meliputi bidang elektrik, kimpalan, automotif, teknologi maklumat, senireka fesyen, pertanian dan teknologi pembuatan. Dengan adanya penawaran program di peringkat diploma ini, dapat memberi peluang yang lebih luas untuk pelajar PERDA-TECH melanjutkan pelajaran.

Pada 8 Mac 2015 PERDA-TECH telah melancarkan *Centre of Advanced Skills* (CoAS). Majlis pelancaran ini telah disempurnakan oleh Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam, Tan Sri Mohamad Zabidi Zainal.





Perasmian Program CoAS oleh Tan Sri Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam

Selain itu, PERDA-TECH juga melaksanakan Program Khas Sukses Asas Kemahiran Teknikal (SAKTI). Program ini dilaksanakan bersama Majlis Pembangunan Bumiputera Pulau Pinang melalui Jawatankuasa *Focus Group* Pembangunan Modal Insan. Melalui program ini pelajar-pelajar diberi latihan asas kemahiran dan tempoh pengajian ialah selama 8 bulan termasuk menjalani latihan industri selama 2 bulan.

Bidang pengajian yang ditawarkan di PERDA-TECH pada tahun 2015 adalah seperti di Jadual 13 berikut :

| BIL | BIDANG PENGAJIAN | BILANGAN PELAJAR (ORANG) |
|---|---|---|
| 1 | Sijil Kejuruteraan Elektrik | 127 |
| 2 | Sijil Kejuruteraan Pertanian | 66 |
| 3 | Sijil Kejuruteraan Pembuatan (Rekabentuk Produk) | 36 |
| 4 | Sijil Kejuruteraan Pembuatan (Rekabentuk Acuan) | 34 |
| 5 | Sijil Kejuruteraan Pembuatan (Pemesinan) | 64 |
| 6 | Sijil Teknologi Kimpalan | 124 |
| 7 | Sijil Teknologi Automotif | 132 |
| 8 | Sijil Teknologi Maklumat | 63 |
| 9 | Sijil Rekabentuk Multimedia | 111 |
| 10 | Sijil Senireka Fesyen | 82 |
| 11 | Diploma Kemahiran Malaysia (Teknologi Kimpalan) | 23 |
| 12 | Diploma Kemahiran Malaysia (Teknologi Maklumat) | 20 |
| 13 | Diploma Kemahiran Malaysia (Teknologi Automotif) | 21 |
| 14 | Diploma Teknologi Kejuruteraan (Rekabentuk Produk) | 28 |
| 15 | Diploma Kemahiran Tinggi | 25 |
| 16 | Program CoAS | 9 |
| 17 | Program Khas SAKTI | 63 |
| | **JUMLAH** | **1,028** |

***JADUAL 13*** : *Bidang Pengajian Yang Ditawarkan Di PERDA-TECH Tahun 2015*



Konvokesyen PERDA-TECH ke-7 disempurnakan oleh Dato' Ketua Pengarah ICU JPM



Pertandingan Fashion Show di PERDA City Mall untuk Sijil Seni Reka Fesyen





Para pelajar sedang menjalani latihan

Peperiksaan bagi tahun 2015 telah berjaya dilaksanakan dan keputusan prestasi pelajar menunjukan 5.6% pelajar berjaya memperoleh Himpunan Purata Nilai Mata (HPNM) 3.75-4.00, 11.1% pelajar memperoleh 3.50-3.74, manakala 61.7% pelajar memperoleh 3.00-3.49.

Ini bermakna seramai 78.4% pelajar telah memperoleh HPNM 3.00 ke atas. Rajah 10 di bawah menunjukan Himpunan Purata Nilai Mata (HPNM) bagi keseluruhan pelajar PERDA-TECH tahun 2015.




***RAJAH 10*** *: Himpunan Purata Nilai Mata (HPNM) Pelajar PERDA-TECH Tahun 2015*



# 07

# PEMBANGUNAN HARTANAH

*Quality and customer satisfaction are our priority*

# PEMBANGUNAN HARTANAH

Sebagai sebahagian daripada peranan yang dimandatkan kepada PERDA untuk memacu pembangunan wilayah Pulau Pinang, PERDA meneruskan usaha membangunkan projek hartanah bagi tahun 2015 bagi memastikan rakyat Bumiputera Pulau Pinang dapat memiliki aset hartanah termasuklah projek perumahan mampu milik, projek industri, projek komersial dan lain-lain projek hartanah yang telah siap dibina, sedang dibina dan dalam perancangan pada tahun-tahun akan datang. Projek-projek tersebut mempunyai peruntukan yang telah diluluskan dan dibelanjakan secara sistematik bagi mencapai kemajuan pembangunan seiring dengan pembangunan di negeri Pulau Pinang dengan memajukan kawasan-kawasan di luar bandar. Usaha-usaha bagi meneruskan projek-projek pembangunan PERDA akan dijalankan dan dipantau dari semasa ke semasa.

## PROJEK PEMBANGUNAN YANG TELAH SIAP

### • Projek Pembangunan Industri Asas Tani (ABIP)

PERDA telah menyiapkan sebahagian Kompleks Pusat Inkubator Taman Industri Asas Tani (ABIP) Fasa 1D yang terdiri daripada 14 unit teres bimbingan 1 1/2 tingkat Jenis B dan kerja-kerja berkaitan di atas sebahagian lot P.T 15641, Tasek Gelugor, SPU.

Keluasan 1 Unit kilang adalah 19m x 12m (228 m²) yang melibatkan kos peruntukan sebanyak RM3,747,334.40. Kerja-kerja pembinaan dimulakan pada 12 Mac 2015 dan siap sepenuhnya pada 21 Oktober 2015. Pembangunan projek ini akan dapat memberi peluang perniagaan kepada usahawan Bumiputera Pulau Pinang untuk lebih berdaya saing dalam memajukan perniagaan.



Pusat Inkubator ABIP Fasa 1D yang baru disiapkan

## • Kemudahan Kelengkapan Bengkel Kimpalan PERDA-TECH

PERDA telah menyediakan keperluan kemudahan kelengkapan di Bengkel Kimpalan dan Elektrikal untuk kemudahan pembelajaran dan keselesaan kepada pelajar dan tenaga pengajar dalam menjalankan latihan. Pembinaan bengkel ini melibatkan kos sebanyak RM2,596,750.00

## • Penyelenggaraan Medan Niaga PERDA Simpang Ampat, SPS

PERDA sentiasa berusaha memastikan medan niaga yang disediakan dalam keadaan baik bagi memenuhi kepuasan pelanggan serta imej PERDA. Untuk tahun 2015 PERDA memperuntukkan RM154,980.00 bagi kerja-kerja pembaikan bangunan, menaik taraf ruang legar, kemudahan infrastruktur serta kerja-kerja lain berkaitan di Medan Niaga PERDA Simpang Ampat, SPS. Kerja-kerja penyelenggaraan ini siap 100% pada 14 September 2015.





Menaik taraf Kemudahan Bengkel Kimpalan
di PERDA-TECH



Keja-kerja menaik taraf ruang legar Medan Selera PERDA di
Simpang Ampat, SPS

# PROJEK PEMBANGUNAN DALAM PEMBINAAN

## • Projek Pembangunan Bercampur Sungai Bakap, SPS (Fasa 1)

Pada tahun 2015, PERDA meneruskan pelaksanaan projek perumahan bercampur di atas lot 270, mukim 5, Sungai Bakap Fasa 1, SPS. Kerja tanah telah selesai dilaksanakan dan diteruskan dengan kerja-kerja pembinaan. Cadangan komponen pemajuan utama adalah :

I. Rumah Kluster Kos Rendah 2 tingkat - 72 unit
II. Rumah Teres Kos Sederhana 2 tingkat - 112 unit
III. Kedai/pejabat 2 tingkat - 5 unit
IV. Surau 1 tingkat - 1 unit
V. Dewan Serbaguna 1 tingkat - 1 unit
VI. Gerai Penjaja 1 tingkat - 8 unit
VII. Lain-lain kemudahan infrastruktur.

Kerja-kerja cerucuk di tapak telah mula dilaksanakan dengan prestasi pelaksanaan kerja di tapak sehingga 31 Disember 2015 adalah 5.43%.

## • Projek Pembangunan Dewan Serbaguna, Kubang Menerong, Tasek Gelugor, SPU

Kerja tanah bagi projek pembinaan Dewan Serbaguna, Kubang Menerong, Tasek Gelugor, SPU sedang dilaksanakan yang dijangka siap sepenuhnya pada bulan Mac 2016. Kerja tanah ini melibatkan kos sebanyak RM840,558.80. Prestasi kerja tanah di tapak adalah 41% sehingga 31 Disember 2015.



Kerja-kerja cerucuk di tapak Sg. Bakap



Kerja tanah penyediaan tapak Dewan Serbaguna

# PROJEK PEMBANGUNAN DALAM PERANCANGAN

## • Cadangan Projek Perumahan Sejahtera Rakyat (PPSR) PERDA Kuala Sungai Pinang, DBD

Pelan Kebenaran Merancang PPSR PERDA ini telah dikemukakan kepada Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP) untuk proses kelulusan. Cadangan ini melibatkan pembinaan 52 unit rumah berkembar 1 tingkat jenis A & B yang melibatkan kos sebanyak RM 9,900,000.00 di atas kawasan seluas 3.87 ekar. Pembinaan rumah-rumah mampu milik ini dijangka akan dapat membantu golongan termiskin untuk menyewa dan memiliki rumah serta dapat melestarikan aktiviti sosioekonomi di kawasan ini sepertimana projek PPSR PERDA di Tok Alang, Tasek Gelugor, SPU.






Cadangan pelan lantai rumah PPSR PERDA, Kuala Sungai Pinang, DBD.



Gambaran perspektif cadangan rumah PPSR PERDA Kuala Sungai Pinang, DBD.

## • Cadangan Projek Perumahan Machang Bubuk, SPT

Projek Perumahan Bercampur di Machang Bubuk masih dalam peringkat perancangan di mana Jabatan Perancang Bandar & Desa (JPBD) Pulau Pinang sedang memproses kelulusan permohonan perlingkungan semula (*rezoning*). Projek ini akan memberi kesan limpahan pembangunan khas kepada bumiputera untuk memiliki Rumah Mampu Milik di Seberang Perai Tengah. Pelan susun atur cadangan pemajuan adalah seperti di Rajah 11.



**RAJAH 11** : *Cadangan Pelan Susun Atur Perumahan Machang Bubuk, SPT*

Komponen pemajuan utama yang telah dicadangkan adalah seperti berikut :

i. Rumah Teres Kos Sederhana Rendah - 94 unit
ii. Rumah Teres Kos Sederhana 2 tingkat - 206 unit
iii. Rumah Berkembar 1 tingkat - 26 unit
iv. Rumah Banglo 2 tingkat - 4 unit
v. Kedai/Pejabat 2 tingkat - 12 unit

## • Cadangan Pembangunan Lot Industri PERDA *Food Park*, Fasa 2, SPU

Dalam usaha menyediakan kemudahan ruang industri kepada para usahawan, PERDA juga telah merancang cadangan pembangunan Lot Industri PERDA *Food Park* Fasa 2. Rajah 12 menunjukkan pelan susun atur cadangan tersebut.




**RAJAH 12** : *Cadangan Pelan Susun Atur PERDA Food Park Fasa 2, SPU*



# 08

# PEMBANGUNAN EKONOMI

*Products must be relevant for sustainability*

# PEMBANGUNAN EKONOMI

Menyedari akan kepentingan sektor Enterpris Kecil & Sederhana (EKS) yang merupakan penyumbang utama terhadap Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) Malaysia, PERDA terus memfokuskan pelaksanaan aktiviti program keusahawanan yang melibatkan Masyarakat Perdagangan dan Perindustrian Bumiputera di Pulau Pinang. Komponen aktiviti program 2015 meliputi Program Pembangunan Usahawan Mikro, Program Pembangunan Usahawan Pertengahan, Program Pembangunan *Homestay*, Program Ekspo Usahawan Bumiputera Pulau Pinang (PENBEX), Program *Rebranding* SDSI Pandai Besi Pekan Darat dan Program Pembangunan Usahawan Kilang Bimbingan & IKS PERDA *Food Park*.

## Program Pembangunan Usahawan Pertengahan

### *i. Skim Sokongan Pembangunan Usahawan Pertengahan (SSPUP)*

Skim Sokongan Pembangunan Usahawan Pertengahan telah diwujudkan atas inisiatif Majlis Pembangunan Bumiputera Pulau Pinang yang bertujuan untuk mewujudkan usahawan yang berdaya saing melalui pendekatan bimbingan secara komprehensif bagi membangunkan tahap daya saing perniagaan syarikat bumiputera yang berkecimpung dalam pelbagai sektor industri di Pulau Pinang.

Antara objektif utama skim ini adalah untuk mewujudkan syarikat bumiputera kelas pertengahan yang dapat menjadi pemangkin kepada perkembangan sosioekonomi Bumiputera Pulau Pinang. Sehingga 31 Disember 2015, seramai 60 orang usahawan menengah telah dibangunkan dengan sokongan beberapa agensi seperti MARA, MITI, SME Corp., SME Bank, MATRADE, MIDA, Jabatan Pertanian, MARDI, FAMA, RISDA, PNS, TEKUN, PUNB, MIDF, SIRIM dan sebagainya.

Pencapaian usahawan menengah amat memberangsangkan, di mana pada tahun 2015 menunjukkan sejumlah 24 syarikat (40%) telah memperolehi nilai jualan tahunan melebihi RM1juta manakala 25 syarikat (41.6%) memperolehi nilai jualan melebihi RM500,000.00 dan selebihnya 11 syarikat (18.4%) memperolehi nilai jualan mencapai RM250,000.00.

Kluster perniagaan usahawan dalam pelbagai bidang perniagaan/perkhidmatan dipaparkan seperti di Rajah 13.




***RAJAH 13*** : *Kluster Perniagaan Syarikat*

Manakala pecahan komponen pembiayaan yang diterima oleh usahawan pada tahun 2015 ditunjukkan seperti di Rajah 14.




***RAJAH 14*** : Pecahan Pembiayaan

Bagi melebarkan perniagaan, para usahawan turut menyertai program promosi yang dianjurkan oleh agensi kerajaan seperti MATRADE, MITI serta pihak swasta. Jadual 14 menunjukkan aktiviti promosi di luar negara yang telah disertai sepanjang tahun 2015.

| PROGRAM PROMOSI | BILANGAN SYARIKAT |
|---|---|
| *International Overseas Chinese Trade Fair* (Shenzhen),China 2015 | 15 |
| *Guangdong 21st Century Maritime Silk Road International Expo* (Dongguan), China. | 10 |
| Thailand Halal *Assembly* 2015 (Bangkok) Thailand. | 5 |
| Lawatan Kerja ke Shanghai, China. | 5 |
| Program Usahawan Pemborongan ke (Ho Chi Minh City) Vietnam. | 5 |

***JADUAL 14*** : *Program Promosi Luar Negara Tahun 2015*

## *ii. Skim Modal Pusingan Perniagaan Usahawan (SMPPU)*

SMPPU merupakan suatu inisiatif yang diwujudkan bagi menyediakan kemudahan modal pusingan kepada usahawan-usahawan bimbingan yang berkecimpung dalam pelbagai sektor industri di Pulau Pinang. Skim ini merupakan pelengkap kepada bantuan-bantuan keusahawanan yang telah diberikan oleh agensi-agensi kerajaan di negeri ini. Skim ini bermula pada Jun 2014 dengan peruntukan sebanyak RM5 juta yang diterima daripada Majlis Pembangunan Bumiputera Pulau Pinang. Seterusnya, peruntukan tambahan berjumlah RM5 juta telah disalurkan pada 27 Julai 2015 menjadikan jumlah penyaluran sebanyak RM10 juta.

Sejumlah RM9,895,000 pinjaman telah diagihkan kepada 97 syarikat, di mana pada tahun 2014 seramai 46 syarikat mendapat manfaat manakala sejumlah RM4,780,000 daripada pinjaman tersebut telah diagihkan sepanjang tahun 2015 melibatkan 51 syarikat.

Komitmen yang ditunjukkan oleh para usahawan dalam menjelaskan bayaran balik pinjaman sangat memberangsangkan. Berdasarkan rekod sehingga 31 Disember 2015, sejumlah RM2,384,066.16 telah berjaya dikutip daripada peminjam-peminjam terlibat. Rajah 15 berikut menunjukkan bilangan syarikat yang telah mendapat manfaat daripada skim modal pusingan mengikut kluster perniagaan.




***RAJAH 15*** : *Bilangan Syarikat Yang Mendapat Manfaat Skim Modal Pusingan*

# Program Pembangunan Usahawan Mikro

Syarikat-syarikat yang dikategorikan sebagai mikro merupakan syarikat-syarikat yang menjalankan perniagaan secara kecil-kecilan. Prestasi syarikat banyak bergantung kepada proses mengadaptasi budaya perniagaan, ilmu pengetahuan serta pendedahan kepada realiti dunia perniagaan. PERDA memfokuskan kepada syarikat-syarikat mikro yang berpendapatan tidak melebihi RM300,000 setahun dan syarikat yang baru menceburi bidang perniagaan.

Dalam tahun 2015, seramai 40 usahawan dalam pelbagai bidang perniagaan telah mendapat manfaat dari bantuan geran perniagaan yang disediakan. Pretasi jualan majoriti syarikat turut mengalami lonjakan pada tahun 2015 berbanding tahun sebelumnya. Prestasi jualan/pendapatan syarikat adalah seperti di Rajah 16.




***RAJAH 16*** *: Prestasi Jualan/Pendapatan Mengikut Kluster Perniagaan*

Dalam mengharungi dunia perniagaan yang semakin mencabar, usahawan mikro perlu diberi suntikan ilmu serta pengetahuan. Kursus dan latihan dalam pelbagai aspek pengurusan perniagaan didapati amat membantu para usahawan dalam menelusuri dunia perniagaan masa kini. Sebanyak 10 aktiviti kursus dan latihan dilaksanakan bagi membantu usahawan seperti di Jadual 15 berikut:

| BUTIRAN | BILANGAN USAHAWAN |
|---|---|
| Kursus Pemasaran *Hypermarket* (tahap 1) | 40 |
| Kursus Pengurusan Kewangan Berlandaskan Zakat Perniagaan, Cukai & GST | 28 |
| Kursus Pensijilan Halal | 30 |
| Seminar/Bengkel Rekaan Peragaan Produk | 30 |
| Klinik Usahawan PERDA-TECH | 30 |
| Kursus Pengurusan Dokumen dan Organisasi | 30 |
| Kursus Asas Pemasaran | 30 |
| Kursus Asas Protokol Etiket dan Pengendalian Majlis | 30 |
| 1SME-1WEB : Bengkel Miliki Laman Web dan e- Pemasaran | 30 |
| Kursus Kemahiran Komunikasi & Perundingan Berkesan | 30 |
| ***Jumlah*** | ***308*** |

***JADUAL 15*** *: Aktiviti Kursus/Latihan Usahawan Mikro*

Selain itu, sepanjang tahun 2015, sebanyak 7 siri aktiviti promosi dan pemasaran produk/perkhidmatan telah disertai/dilaksanakan. Aktiviti-aktiviti tersebut dianjurkan supaya para usahawan dapat mempromosikan produk/perkhidmatan dalam pasaran tempatan dan nasional. Senarai aktiviti promosi yang terlibat adalah seperti di Rajah 17.




***RAJAH 17*** : *Aktiviti Promosi dan Pemasaran Dalam Negara*

## Ekspo Usahawan Bumiputera Pulau Pinang (PenBEX)

PenBEX merupakan program di bawah naungan MPBPP yang dikendalikan melalui Jawatankuasa *Focus Group* Pembangunan Usahawan dan Koperasi Bumiputera Pulau Pinang dan diuruskan oleh PERDA. PENBEX 2015 telah dilaksanakan serentak dengan Minggu PKS (Program anjuran SME Corp) dan PROBEX (Program anjuran JKFG Perumahan dan Hartanah Bumiputera Pulau Pinang).

Objektif utama pelaksanaan PenBEX adalah untuk menyediakan platform berpusat kepada usahawan Bumiputera untuk memperkenal serta mempromosikan produk keluaran syarikat masing-masing melalui program promosi secara integrasi.

PenBEX 2015 telah dilaksanakan pada 30 Mei - 7Jun 2015 dan disertai oleh 50 agensi kerajaan serta 374 syarikat yang berkecimpung dalam pelbagai sektor industri. Program ini telah berjaya merekodkan nilai jualan tunai sebanyak RM0.5 juta dan nilai kontrak/tempahan berjumlah RM3.6 juta. Program promosi ini juga telah berjaya menarik pengunjung seramai 98,800 orang.





Kalangan usahawan mempromosi produk/perkhidmatan di PENBEX 2015

# Program Pembangunan *Homestay*

Industri pelancongan merupakan penyumbang keenam terbesar kepada ekonomi negara dengan sumbangan sebanyak RM72 billion kepada pendapatan negara kasar pada tahun 2015. Salah satu tarikan kepada pelancongan adalah dengan wujudnya program *homestay* yang merupakan satu pakej kemudahan tempat tinggal dalam suasana kampung dengan pengunjung mendapat pengalaman tinggal bersama keluarga angkat. Pada masa ini terdapat 188 pengusaha *homestay* di Pulau Pinang seperti di Jadual 16 berikut.

Sebanyak 30 pakej pelancongan *standard* dan 6 pakej pelancongan Inno Homestay Trip telah dibangunkan bagi menarik kunjungan pelancong ke *homestay* Pulau Pinang. Penyertaan secara berterusan ke program pameran pelancongan tempatan seperti MATTA *Fair* dan Malaysia *Mega Meet* 2015 *Travel Mart* adalah bagi mempromosikan pakej pelancongan yang telah dibangunkan kepada kumpulan sasaran di kalangan pelancong tempatan.

Penyertaan ke program pameran pelancongan juga membolehkan *homestay* Pulau Pinang mendapatkan informasi terkini mengenai pakej-pakej pelancongan pesaing di pasaran dan seterusnya membolehkan perancangan dibuat bagi merangka strategi berkesan bagi mengatasi persaingan di dalam industri pelancongan *homestay*.

| NAMA *HOMESTAY* | DAERAH | BIL. PENGUSAHA |
|---|---|---|
| Teluk Bahang | DBD | 10 |
| Jalan Bharu | DBD | 23 |
| Pulau Betong | DBD | 17 |
| Mengkuang Titi | SPT | 23 |
| Sungai Sembilang | SPT | 10 |
| Pulau Aman | SPS | 13 |
| Sungai Setar | SPS | 17 |
| Sungai Duri | SPS | 31 |
| Sungai Chenaam | SPS | 24 |
| Kota Aur | SPU | 9 |
| Lahar Yooi | SPU | 11 |
| ***JUMLAH*** | | ***188*** |

***JADUAL 16*** : *Senarai Homestay Bimbingan PERDA*

Jaringan kerjasama strategik bersama pemain industri pelancongan tempatan melibatkan Kementerian Pelancongan, Kebudayaan, Kesenian dan Warisan Pulau Pinang, *Tourism* Malaysia Pulau Pinang, UiTM Pulau Pinang, Persatuan *Homestay* Pulau Pinang dan Sheba Travel & Tours Sdn. Bhd. juga telah diwujudkan bagi memantapkan pembangunan pakej pelancongan *homestay* serta membantu memasarkan pakej pelancongan *homestay* Pulau Pinang kepada pelancong dari dalam dan luar negara.

Secara keseluruhan pada tahun 2015, industri pelancongan *homestay* Pulau Pinang merekodkan jumlah sebanyak RM737,026.00 iaitu meningkat sebanyak 38.37% berbanding jumlah pendapatan pada tahun 2014 sebanyak RM454,207.00 manakala ketibaan pelancong yang direkodkan pada tahun 2015 adalah berjumlah seramai 8,601 orang iaitu meningkat sebanyak 8.12% berbanding tahun 2014 sebanyak 7,903 orang.





Sumbangan peralatan untuk merancakkan lagi aktiviti *homestay*

Demonstrasi permainan congkak



Demonstrasi menoreh getah





Aksi menyedut madu kelulut



Lawatan sekitar kampung menaiki *buggy*

Antara aktiviti menarik yang disertai oleh pelajar-pelajar Universiti Saitama, Jepun di *Homestay* Mengkuang Titi, SPT

# Projek Satu Daerah Satu Industri (SDSI)

## • *Rebranding Pandai Besi Pekan Darat, SPU*

Pembangunan Kompleks Warisan Pandai Besi Pekan Darat ini telah dilaksanakan oleh PERDA dengan peruntukan daripada Majlis Pembangunan Bumiputera Pulau Pinang (MPBPP) sebanyak RM1.5 juta. Pelaksanaan kerja-kerja pembangunan fizikal projek telah bermula pada tahun 2012 dan siap sepenuhnya pada bulan Oktober 2014. Projek SDSI Pandai Besi Pekan Darat mula beroperasi pada tahun 2015 dan Majlis Perasmian Kompleks Warisan Pandai Besi Pekan Darat, telah dilaksanakan pada 1 Mac 2015.

Sebanyak 38 jenis mesin dan peralatan telah disediakan di bawah projek ini dan seterusnya dipindahkan pemilikannya kepada Koperasi Pandai Besi Pekan Darat Seberang Perai Berhad untuk menjana pendapatan koperasi dan tukang-tukang besi di kawasan setempat.

Berdasarkan perancangan yang ditetapkan, projek ini akan dilaksanakan dalam tiga fasa. Fasa Pertama adalah peringkat pengukuhan hasil logam sedia ada iaitu dengan mengukuhkan pengeluaran dari aspek kualiti dan produktiviti serta pemasaran hasilan besi yang sedang dikeluarkan. Fasa Kedua ialah peringkat pengembangan dengan pengenalan kepada kraf logam. Fasa ini membuka dimensi baru dengan pengenalan produk baru untuk pasaran baru. Seterusnya ialah Fasa Ketiga iaitu peringkat kepelbagaian penglibatan dalam aktiviti pelancongan iaitu selepas kejayaan di Fasa Pertama dan Kedua.



Ruang pameran Kompleks Warisan Pandai Besi



Kerja - kerja pemanasan besi sebelum dibentukkan

Semasa tempoh pengujian mesin, hasilan besi diawasi oleh PERDA, SIRIM Bhd., SKM dan Perbadanan Kemajuan Kraftangan Malaysia yang turut menganggotai Jawatankuasa Pelaksana projek ini. SIRIM Bhd. juga berjaya mendapatkan geran inovasi sebanyak RM100,000.00 di bawah Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI) untuk tujuan inovasi mesin dan dijangkakan siap pada bulan Mac 2016. Seterusnya kapasiti pengeluaran dijangka dapat ditingkatkan dan pihak koperasi akan meluaskan pasaran pisau sabit dan cop kelapa sawit, pisau menoreh getah serta peralatan-peralatan besi yang lain ke ladang-ladang milik FELCRA dan RISDA di bawah KKLW, ladang-ladang milik FELDA, Tabung Haji, Sime Darby serta perladangan milik swasta yang lain.



Pekerja di Bengkel Warisan Pandai Besi sedang menggunakan mesin yang disediakan

Produk seni juga mula dikeluarkan seperti pisau dan parang bersarung yang mempunyai identiti Pulau Pinang yang tersendiri dan sesuai untuk cenderamata sebagai tarikan kepada pelancong luar. Selain itu, produk harian seperti pencakar, cangkul, penyodok dan sebagainya juga dihasilkan. Produk-produk ini juga mempunyai saiz pasaran yang luas dan koperasi perlulah bersedia untuk bersaing dengan pengeluar-pengeluar yang lain di pasaran terbuka.

Impak pembangunan yang dijangka adalah peningkatan pendapatan pandai besi sedia ada, penyediaan peluang-peluang pekerjaan kepada belia luar bandar yang berminat dan menjadikan Kampung Pekan Darat sebagai sebuah kampung tradisional yang terkenal dan menarik untuk dilawati bertepatan dengan Rancangan Tempatan (SPU) 2005 - 2020, di mana pertukangan besi di Pekan Darat dicadangkan untuk Pembangunan Pelancongan Sejarah dan Warisan berteraskan produk warisan kebudayaan.



# 09

# PEMBANGUNAN MODAL INSAN

*Without a sense of caring, there can be no sense of community*

# PEMBANGUNAN MODAL INSAN

Pembangunan Modal Insan yang seimbang merupakan teras pembangunan negara. Justeru, PERDA mempergiatkan usaha meliputi aspek kemajuan sosial dalam mencapai matlamatnya untuk memastikan kesejahteraan masyarakat dicapai. Pelbagai inisiatif diambil melalui pendekatan yang komprehensif dengan mendekati golongan belia, remaja dan kanak-kanak di peringkat sekolah demi memastikan penjanaan modal insan yang berkualiti dan releven dalam dunia globalisasi menerusi Program Belia Pewaris Nusa dan Mutiara Program Didik Cemerlang Akademik (MPDCA).

PERDA juga dipertanggungjawabkan dalam melaksanakan agenda pembasmian kemiskinan khususnya golongan Bumiputera di kawasan luar bandar melalui Skim Pembangunan Kesejahteraan Rakyat (SPKR).

## Mutiara Program Didik Cemerlang Akademik (MPDCA)

MPDCA 2015 bertujuan untuk meningkatkan kualiti kecemerlangan akademik di kalangan pelajar-pelajar Bumiputera negeri Pulau Pinang. MPDCA ini dilaksanakan secara kolaboratif oleh PERDA, Bahagian Penyelarasan Penyertaan Bumiputera (BPPB), Zakat Pulau Pinang (ZPP) dan Jabatan Pendidikan Negeri Pulau Pinang (JPNPP).

Peruntukan yang digunakan untuk perlaksanaan MPDCA 2015 adalah berjumlah RM7.6 Juta yang terbahagi kepada tiga agensi iaitu PERDA, BPPB dan ZPP untuk 151 buah sekolah kebangsaan dan 81 buah sekolah menengah kebangsaan di Pulau Pinang. Daripada jumlah tersebut sebanyak RM2.4 Juta telah dibelanjakan oleh PERDA dalam tahun 2015 untuk melaksanakan pelbagai program melibatkan 47 buah sekolah kebangsaan dan 23 buah sekolah menengah kebangsaan di Pulau Pinang.

Antara program yang telah berjaya dilaksanakan oleh pihak PERDA adalah GRISMA, SMART UPSR, PT3 & SPM dan sebagainya. Seramai 12,463 orang pelajar telah mengikuti program ini. Pembelajaran yang disediakan oleh PERDA lebih tertumpu kepada pelajar yang bakal menduduki peperiksaan UPSR, PT3 dan SPM. Aktiviti-aktiviti MPDCA yang telah dianjurkan adalah seperti di Jadual 17.

| AKTIVITI PROGRAM | BIL.PESERTA |
|---|---|
| • *English Camp Year 6* | 601 |
| • Program GRISMA (*Grip the Science & Maths*) | 688 |
| • Program SMART UPSR | 3,588 |
| • *English* ATTACK UPSR | 539 |
| • Tutorial CEMERLANG UPSR | 3,489 |
| • Tuisyen PUPUK UPSR | 254 |
| • Pelbagai Program *Workshop* UPSR | 248 |
| ***Jumlah*** | ***9,407*** |
| • Program SMART PT3 & SPM | 248 |
| • KLINIK ZIPP 'A' PT3 | 314 |
| • Program PUNCAK PT3 & SPM | 321 |
| • ECIMS (*Excellence in Science & Maths*) | 528 |
| • *English Workshop* SPM | 286 |
| • GRIPS (*Grip The Science*) PT3 | 154 |
| • Pelbagai Program *Workshop* PT3 & SPM | 1,205 |
| ***Jumlah*** | ***3,056*** |
| • Pelancaran/Anugerah & Penghargaan MPDCA | 400 |
| ***Jumlah Keseluruhan*** | ***12,863*** |

***JADUAL 17*** : *Aktiviti-Aktiviti MPDCA Tahun 2015*



Para pelajar tingkatan 5 sedang mengikuti Program Teknik Menjawab Soalan SPM



Program PT3
yang dilaksanakan di bawah MPDCA

Sebanyak 24 modul untuk aktiviti pelajar dan 5 modul untuk guru berjaya dilaksanakan. Pelaksanaan keseluruhan program ini telah memberikan faedah dan impak yang begitu baik kepada keseluruhan pelajar-pelajar luar bandar di Pulau Pinang. Pencapaian pelajar-pelajar memperolehi 5A di peringkat UPSR dan 4A 1B ialah 343 (9.21%) dan 307 (8.24%) daripada 3,725 orang pelajar UPSR bagi sekolah-sekolah di bawah bimbingan PERDA. Namun jumlah sebenar murid menduduki peperiksaan adalah 3,709 orang pelajar.

Jadual 18 di bawah menunjukkan subjek dan keputusan UPSR yang dicapai oleh pelajar di sekolah bimbingan PERDA bagi tahun 2015.

| SUBJEK /KEPUTUSAN UPSR | BILANGAN PELAJAR SEKOLAH BIMBINGAN PERDA | | | | | |
|---|---|---|---|---|---|---|
| | **A** | **B** | **C** | **D** | **E** | **JUMLAH** |
| **BM (PEMAHAMAN)** | 2,213 | 538 | 770 | 116 | 72 | 3,709 |
| **BM (PENULISAN)** | 2,402 | 686 | 312 | 181 | 128 | 3,709 |
| **BAHASA INGGERIS** | 564 | 720 | 1,452 | 699 | 274 | 3,709 |
| **MATEMATIK** | 1,045 | 741 | 1,259 | 278 | 386 | 3, 709 |
| **SAINS** | 667 | 1,515 | 1,015 | 216 | 296 | 3, 709 |
| **JUMLAH** | **6,891** | **4,200** | **4,808** | **1,490** | **1,156** | **18,545** |

***JADUAL 18*** : *Keputusan Peperiksaan UPSR Tahun 2015 MPDCA PERDA*




Para pelajar sedang mengikuti Program UPSR

# Program Belia Pewaris Nusa & *U - Lead*

Aset yang paling berharga bagi sesebuah negara adalah warga mudanya. Modal insan merupakan aset yang boleh disuntik dan ditingkatkan nilai inteleknya serta diperkaya modal budayanya.

Menyedari kepada hakikat ini PERDA telah melaksanakan Program Belia Pewaris Nusa, sebuah program yang menumpukan kepada pembangunan semangat patriotik dan perubahan sikap. Malaysia amat memerlukan belia dan beliawanisnya yang berfikiran positif dan mampu mencipta perubahan untuk merealisasikan impian negara. Hanya belia dan beliawanis yang berwawasan dan bercita-cita tinggi sahaja yang mampu menggalas tanggungjawab untuk memacu pertumbuhan dan pembangunan negara.

Golongan pelajar merupakan mereka yang paling ramai mengikuti program belia ini berbanding yang lain. Ini adalah kerana waktu bekerja yang padat telah menjadi satu kekangan kepada golongan yang bekerja terutamanya di sektor industri bagi mengikuti program ini.

Pada tahun 2015, PERDA telah melaksanakan sebanyak 18 Siri Program Belia Pewaris Nusa dan empat siri Program *U-Lead* (Kepimpinan) dengan melibatkan 907 orang belia. Rajah 18 menunjukkan pecahan belia mengikut sektor manakala Jadual 19 berikut menunjukkan pelaksanaan Program Belia Pewaris Nusa dan *U-Lead* sepanjang tahun 2015.




**RAJAH 18** : *Penyertaan Belia Mengikut Sektor*

| BIL | PROGRAM/AKTIVITI | LOKASI | JUMLAH PESERTA |
|---|---|---|---|
| 1 | Belia Pewaris Nusa Siri 1 - 7 | Yan & Langkawi Kedah<br>Telok Batik & Pengkalan Hulu, Perak | 240 |
| 2 | Belia Pewaris Nusa Siri 8 - 15 | Hulu Selangor & Morib Selangor<br>Jasin, Melaka | 357 |
| 3 | Belia Pewaris Nusa Siri 16 - 18 | Pahang<br>Hulu Langat | 140 |
| | | *JUMLAH* | *737* |
| 4 | *U-Lead* Siri 1 - 2 (Kepimpinan & Keterampilan) | Melaka<br>Perlis | 95 |
| 5 | *U-Lead* Siri 3 - 4 (Kepimpinan & Komunikasi) | Negeri Sembilan | 75 |
| | | *JUMLAH* | *170* |
| | | ***JUMLAH KESELURUHAN*** | ***907*** |

***JADUAL 19*** : *Program Belia Pewaris Nusa & U - Lead 2015*





Aktiviti *Indoor & Outdoor* Program Belia Pewaris Nusa

# Skim Pembangunan Kesejahteraan Rakyat (SPKR)

Kerajaan tidak pernah meminggirkan golongan miskin menelusuri hidup, justeru melalui Skim Pembangunan Kesejahteraan Rakyat (SPKR) pelbagai program/aktiviti dirangka bagi membantu golongan miskin untuk meningkatkan pendapatan. PERDA merupakan agensi pelaksana Persekutuan di Pulau Pinang yang diamanahkan untuk merealisasikan pelaksanaan program/aktiviti yang dirancang.

Walaupun dalam kekangan peruntukan, sepanjang tahun 2015, PERDA memfokuskan kepada Program Pembangunan Ekonomi SPKR yang melibatkan seramai 81 orang peserta terdiri daripada ibu tunggal dan keluarga yang ramai tanggungan serta berpendapatan rendah. Program ini merupakan program bantuan mesin dan peralatan bernilai sehingga RM5,000 kepada setiap peserta berdasarkan keperluan perniagaan yang diusahakan.

Pada tahun 2015, PERDA juga memberi tumpuan kepada penduduk PPKR bagi meningkatkan pendapatan melalui kerjasama dengan pengusaha Syarikat Jeruk Madu Pak Ali Sdn. Bhd. Pihak syarikat telah menyediakan peluang pekerjaan di rumah masing-masing.



Para peserta sedang menjalani latihan di Syarikat Jeruk Madu Pak Ali Sdn. Bhd.

Pada masa yang sama, PERDA juga telah melaksanakan Bengkel Pemantapan Peningkatan Pendapatan dan Kursus Asas Perniagaan yang merupakan kesinambungan kepada usaha meningkatkan perniagaan serta lain-lain program melibatkan ahli keluarga peserta. Senarai program dan aktiviti adalah seperti di Jadual 20.

| BIL | PROGRAM/AKTIVITI | PENERIMA FAEDAH (ORANG) |
|---|---|---|
| 1 | Program Pembangunan Ekonomi SPKR | 81 |
| 2 | Bengkel Pemantapan Peningkatan | 23 |
| 3 | Kursus Asas Perniagaan | 68 |
| 4 | Program Ihya Ramadhan, Korban dan Jom Pi Bantu | 309 |
| 5 | Program Modal Insan - keibubapaan (Mutiara Kasih) | 355 |
| 6 | Program Khas Penduduk Perumahan PPKR Taman Desa Rakyat ( 3 siri ) | 202 |
| 7 | Program Latihan Bersama Pengusaha Syarikat Jeruk Madu Pak Ali Sdn. Bhd. | 38 |
| | ***Jumlah*** | ***1,076*** |

***JADUAL 20*** : *Program Skim Pembangunan Kesejahteraan Rakyat (SPKR) 2015*




Meninjau aktiviti peserta SPKR




Penyerahan bantuan peralatan kepada peserta SPKR



PERDAVENTURES
INCORPORATED SDN BHD

# 10 ANAK SYARIKAT

*Implementing arms and commited to deliver people needs*

# ANAK SYARIKAT
## • PERDA VENTURES INCORPORATED SDN. BHD.

PERDA Ventures Incorporated Sdn. Bhd. (PVISB) adalah sebuah syarikat milik penuh PERDA yang ditubuhkan pada tahun 2007. Tujuan utama penubuhan PVISB adalah sebagai jentera pelaksana *(implementing arm)* kepada PERDA dalam pelaksanaan projek-projek yang mempunyai nilai komersial.

Ahli Lembaga Pengarah PVISB terdiri daripada wakil PERDA dan wakil profesional adalah seperti berikut :



**Datuk Haji Shabudin Haji Yahaya**
Pengerusi



**Tuan Haji Omar Haji Abdul Hamid**
Timbalan Pengerusi
(sehingga 31.5.2016)



**Dato' Seri Ab. Ghani Ariffin**
Ahli Lembaga Pengarah
(sehingga 31.5.2016)



**Dato' Shahawai Awang**
Ahli Lembaga Pengarah
(bersara 30.6.2015)



**Cik Norhafizah Othman**
Ahli Lembaga Pengarah
(mulai 1.10.2015)



**Tuan Haji Saringat Haji Hassan**
Ahli Lembaga Pengarah
(bersara 17.8.2015)

PVISB telah melaksanakan beberapa projek pembangunan hartanah secara usahasama dengan syarikat-syarikat yang berpotensi, selain turut menjalankan perniagaan dalam bidang penternakan, pemasaran, projek pertanian berskala besar, perkhidmatan pembersihan dan penyelenggaraan serta dipertanggungjawabkan menguruskan Pusat Perniagaan Midtown PERDA.

Operasi PVISB pada masa ini terbahagi kepada empat aktiviti utama iaitu:
a) Pembangunan Hartanah b) Agro Industri c) Perkhidmatan Penyelenggaraan & Pembersihan d) Pengurusan/Khidmat Nasihat Kewangan

PVISB akan sentiasa bergerak lebih agresif dalam meneroka peluang-peluang pelaburan baru yang dapat memberi pulangan kepada pembangunan ekonomi Bumiputera khasnya. Sepanjang tahun 2015, sejumlah RM950 juta pelaburan telah berjaya diusahakan melalui pelaksanaan projek-projek hartanah, pertanian dan program pemasaran yang disertai.

# Pembangunan Hartanah PVISB

PVISB telah terlibat dalam pelaksanaan beberapa projek pembangunan perumahan, perindustrian serta turut terlibat dalam pembangunan hotel. Dalam tahun 2015, PVISB meneruskan pelaksanaan dua projek iaitu projek perumahan bercampur Taman Desa Ara, SPU dan projek pembangunan di Telok Bahang, DBD.

Prestasi pemajuan kerja pembinaan sehingga 31 Dis. 2015 adalah seperti di Jadual 21 dan Jadual 22 di bawah :

| KOMPONEN PEMBANGUNAN | BIL. UNIT | PRESTASI |
|---|---|---|
| ***Fasa 1A*** | | |
| Rumah Teres 1 Tingkat (Jenis A) | 121 | |
| Rumah Teres 1 Tingkat (Jenis B) | 71 | Kerja pembinaan 99% |
| Rumah Berkembar 1 Tingkat | 32 | |
| Kedai Pejabat 2 Tingkat | 15 | |
| ***Fasa 1B*** | | |
| Rumah Teres 1 Tingkat (Jenis C) | 10 | |
| Kedai Pejabat 2 Tingkat | 19 | Kerja pembinaan 99% |
| Rumah Kluster Kos Rendah 2 Tingkat | 172 | |

***JADUAL 21*** : *Prestasi Pemajuan Taman Desa Ara, SPU*

| KOMPONEN PEMBANGUNAN | BIL. UNIT | STATUS PEMAJUAN |
|---|---|---|
| Hotel 13 Tingkat (160 Bilik) | 1 | Dalam Pembinaan (34%) |
| Apartment Kos Rendah 10 Tingkat | 100 | Dalam Pembinaan (25%) |

***JADUAL 22*** : *Projek Pembangunan Bercampur Telok Bahang, DBD*

Bagi projek Pembangunan Telok Bahang, DBD, kerja-kerja pembinaan kini lebih tertumpu bagi pembangunan hotel iaitu di peringkat pembinaan rangka konkrit tetulang yang mana telah mencapai sehingga 25% pelaksanaan. Kerja-kerja Mekanikal dan Elektrikal (M&E) pula baru mula dilaksanakan dengan kemajuan 5%.



Kerja-kerja pembinaan apartment kos rendah & hotel



Rumah Kluster 2 tingkat



Rumah Teres 1 tingkat

# PERDA *Veggie Park*

Projek PERDA *Veggie Park* ini meliputi kawasan seluas 300 ekar di Mukim 13, Tok Alang, Seberang Perai Utara yang telah diserahkan kepada PVISB oleh PERDA untuk disewakan kepada pekebun-pekebun setempat.

Objektif utama projek ini adalah untuk membantu serta mewujudkan peluang pekerjaan kepada golongan miskin serta penduduk sekitar kawasan Tok Alang, SPU. Jadual 23 berikut menunjukkan senarai pengusaha PERDA *Veggie Park* yang beroperasi dalam tahun 2015.

| BIL. | PENGUSAHA | KELUASAN |
|---|---|---|
| *1.* | *Koperasi Petani Pulau Pinang Bhd* | *50 ekar* |
| *2.* | *Cemara Agro Sdn. Bhd.* | *50 ekar* |
| *3.* | *Green Life Farming* | *50 ekar* |
| *4.* | *Pekebun-pekebun kecil* | *150 ekar* |
| | ***Jumlah Keluasan*** | ***300 ekar*** |

***JADUAL 23*** : *Senarai Pengusaha PERDA Veggie Park*

Setiap tahun PVISB akan memperuntukkan sebanyak RM125,000 dari hasil sewaan *Veggie Park* untuk Tabung CSR (*Corporate Sosial Responsibility*) PVISB. Sehingga 31 Disember 2015, tabung ini masih berbaki sebanyak RM125,550.75. Antara program CSR yang telah dilaksanakan menggunakan peruntukan ini adalah aktiviti seperti bantuan banjir, pembinaan pondok menunggu di sekolah sekitar Tasek Gelugor, SPU dan lain-lain.



Tanaman nenas secara komersial di PERDA *Veggie Park*



Tanaman sayur-sayuran di PERDA *Veggie Park*

# Agro Industri

## i. Projek Ternakan Kambing Komersial (PTKK)

Lokasi projek adalah di Mukim 12, Kubang Menerong, SPU dengan keluasan 50 ekar. Projek ini bertujuan untuk menjadi peneraju utama industri ternakan kambing wilayah utara dengan bermatlamat untuk membangunkan industri ternakan kambing yang diiktiraf bagi menghasilkan baka dan daging yang berkualiti dengan harga yang kompetitif untuk menyumbang kepada keperluan negara. Projek ini memainkan peranan seperti berikut:

a) Menjadi pembekal utama daging kambing kacukan 'Bertam *Boer*' bermutu tinggi kepada penternak-penternak kambing di Pulau Pinang.
b) Menjadi pembekal utama daging kambing berkualiti di kawasan utara.
c) Menjadi ladang contoh dalam kaedah perternakan kambing secara intensif yang moden dan mengamalkan sistem penternakan yang baik.

Jumlah kambing *boer* di ladang sehingga 31 Disember 2015 adalah sebanyak 690 ekor. Rekod bilangan kambing *boer* dan *feral* yang dijual sehingga 31 Disember 2015 seperti di Rajah 19.




**RAJAH 19** : *Rekod Jualan Kambing Boer & Feral Tahun 2015*



Ternakan Kambing *Boer* dan *Feral*

## ii. Projek Ternakan

Projek ayam piru bermula pada Februari 2015, di mana PVISB juga akan membangunkan industri ternakan ayam piru ini agar menjadi pembekal utama ayam piru.

Jumlah ayam piru di ladang sehingga 31 Disember 2015 adalah sebanyak 729 ekor. Rajah 20 menunjukkan rekod pergerakan ayam piru sepanjang tahun 2015.




**RAJAH 20** : *Rekod Pergerakan Ayam Piru Tahun 2015*

# Pengurusan Midtown PERDA

Projek Pemajuan Pusat Perniagaan Midtown PERDA Tasek Gelugor, SPU bertujuan untuk menyediakan premis perniagaan usahawan yang kondusif. Selain itu, projek ini dijadikan sebagai sumber dana bagi menjana pendapatan kepada PERDA. Objektif pelaksanaan projek ini untuk menyediakan premis perniagaan sebagai medium mempromosi serta memasarkan produk-produk usahawan dan memupuk budaya keusahawanan bagi melahirkan usahawan bumiputera baru. Rajah 21 menunjukkan hasil dan perbelanjaan Midtown tahun 2015.




***RAJAH 21** : Hasil dan Perbelanjaan Midtown Sehingga 31 Disember 2015*

**Midtown PERDA**

*Pasar Ahad*



*Pameran & Ekspo*



*Sewaan dewan untuk pelbagai majlis*



# Perkhidmatan Pembersihan dan Penyelenggaraan

PVISB telah mewujudkan satu lagi cabang operasi iaitu menyediakan perkhidmatan pembersihan dan penyelenggaraan. Ini menunjukkan inisiatif PVISB berusaha kearah melebarkan operasi untuk menambahkan lagi pendapatan syarikat tidak tertumpu kepada projek pembangunan sahaja. Antara perkhidmatan yang ditawarkan adalah seperti berikut:

a) Perkhidmatan pembersihan bangunan pejabat dan kediaman secara harian, bulanan atau tahunan serta perkhidmatan pembersihan dari rumah ke rumah.

b) Perkhidmatan penyelenggaraan dan pembaikkan seperti, bangunan kompleks perniagaan dan gerai, peralatan rosak dan kawalan serangga.

Rajah 22 memaparkan hasil dan perbelanjaan Unit Pembersihan & Penyelenggaraan tahun 2015.




***RAJAH 22*** : *Hasil dan Perbelanjaan Unit Pembersihan & Penyelenggaraan Sehingga 31 Disember 2015*



Kerja - kerja pembersihan dan penyelenggaraan yang dilaksanakan




# 11

# PENILAIAN *OUTCOME*

*Good planning will ensure good results*

# PENILAIAN *OUTCOME*

Selaras dengan Surat Pekeliling Am Bilangan 1 Tahun 2012 iaitu garis panduan Pengukuran Pencapaian Program/Projek Pembangunan Melalui Penilaian *Outcome*, PERDA juga telah melaksanakan penilaian dan pengukuran keberkesanan terhadap program/projek yang telah dilaksanakan bagi memastikan program yang dijalankan sentiasa releven.

Pencapaian program/projek diukur melalui kaedah penilaian *outcome* iaitu kajian formal mengenai keberkesanan program/projek pembangunan terhadap golongan sasar melalui proses pengumpulan dan analisis data secara empirikal dan sistematik. Ia bertujuan untuk mendapatkan gambaran sebenar sama ada program/projek itu mencapai objektif yang telah ditetapkan ataupun sebaliknya.

Penilaian *outcome* mempunyai hubung kait yang sangat rapat dengan semua elemen penting dalam kitaran projek iaitu perancangan, pelaksanaan, pemantauan dan penilaian. Perancangan yang berkesan akan menentukan dengan jelas matlamat akhir program/projek pembangunan yang ingin dicapai serta menggariskan secara terperinci pelan tindakan setiap aktiviti ke arah mencapai matlamat tersebut.

Pada tahun 2015, PERDA telah berjaya melaksanakan enam penilaian *outcome* dan satu kajian impak. Kajian dan penilaian yang telah dilaksanakana adalah seperti berikut:

i. Penilaian *Outcome* Belia Pewaris Nusa
ii. Penilaian *Outcome* Skim Pembangunan Kesejahteraan Rakyat (SPKR)
iii. Penilaian *Outcome* Skim Sokongan Pembangunan Usahawan Pertengahan (SSPUP)
iv. Penilaian *Outcome* muatiara Program Didik Cemerlang Akademik (MPDCA)
v. Penilaian *Outcome* Program Pembangunan Usahawan Mikro (Promosi Dan Pemasaran)
vi. Penilaian *Outcome* Program PenBEX
vii. Kajian Impak Program Pembangunan Tenaga Mahir dan Latihan Kemahiran

# i. Penilaian *Outcome* Program Belia Pewaris Nusa & *U-Lead*

Program Belia Pewaris Nusa yang dilaksanakan oleh PERDA ini adalah bertujuan untuk menanamkan nilai-nilai murni dan semangat patriotisma kepada peserta. Selain itu modul program ini juga dibangunkan untuk meningkatkan kesedaran dan sokongan terhadap aspirasi negara dalam memastikan sumbangan golongan belia terhadap pembangunan negara.

Program ini mensasarkan bilangan penyertaan seramai 800 orang dan 50 orang peserta *U-Lead* melalui 20 aktiviti. Pencapaian yang diperolehi adalah seramai 867 orang peserta dan 78 peserta *U-Lead*. Ini bermakna program yang dilaksanakan telah mencapai sasaran *output* yang telah ditetapkan.

Manakala pencapaian *outcome* program, 33% dari jumlah peserta berpotensi sebagai pemimpin pelapis melebihi sasaran yang ditetapkan iaitu 30%. Bagi indikator yang kedua iaitu 85% dari jumlah peserta mempunyai daya fikiran yang positif, jati diri dan semangat patriotisma. Ini melepasi sasaran yang ditetapkan iaitu 70% peserta berfikiran positif. Bagi aspek seterusnya, 100% peserta yang layak didaftarkan sebagai pengundi dan 58% dari bilangan peserta didaftarkan menyertai persatuan dan pertubuhan.

Hasil dari penilaian yang dibuat ini dapat dirumuskan bahawa kumpulan belia yang mengikuti program ini memahami peranan dan tanggungjawab mereka dalam menyumbang kepada pembangunan negara. Secara keseluruhannya seperti di Jadual 24.

| INDIKATOR PENCAPAIAN | | | |
|---|---|---|---|
| OUTPUT | | OUTCOME | |
| SASARAN | *SEBENAR* | SASARAN | *SEBENAR* |
| • 20 aktiviti<br>• 800 peserta<br>• 50 peserta *U - Lead* | • *22 aktiviti*<br>• *867 peserta*<br>• *78 peserta U - Lead* | • 30% peserta berpotensi sebagai pemimpin pelapis.<br>• 70% peserta berfikiran positif (jati diri & patriotisme meningkat).<br>• 100% peserta yang layak didaftarkan sebagai pengundi.<br>• 60% peserta didaftarkan menyertai persatuan/pertubuhan. | • *33% peserta berpotensi sebagai pemimpin pelapis.*<br>• *85% peserta berfikiran positif (jati diri & patriotisme meningkat).*<br>• *100% peserta yang layak didaftarkan sebagai pengundi.*<br>• *58% peserta didaftarkan menyertai persatuan/pertubuhan.* |

***JADUAL 24*** : *Outcome Program Belia Pewaris Nusa & U - Lead*

## ii. Penilaian *Outcome* Skim Pembangunan Kesejahteraan Rakyat (SPKR)

Kajian ini bertujuan untuk menilai keberkesanan program SPKR dalam meningkatkan taraf sosio ekonomi golongan miskin tegar di Pulau Pinang. Matlamat program ini juga adalah untuk meningkatkan tahap pendapatan golongan miskin dengan sasaran pendapatan yang melepasi Pendapatan Garis Kemiskinan (PGK).

Program yang dilaksanakan ini telah memberi manfaat kepada 2,344 peserta Ketua Isi Rumah (KIR) & Ahli Isi Rumah (AIR) melalui 3 kursus dan latihan kemahiran melepasi sasaran yang ditetapkan iaitu 2000 peserta disasarkan. Hasil dari pelaksanaan melalui program SPKR ini juga, 90% atau 23 orang peserta berjaya melepasi Pendapatan Garis Kemiskinan (PGK) iaitu melepasi sasaran 80%. Manakala 56% dari jumlah peserta telah keluar dari senarai PGK melepasi sasaran yang telah ditetapkan iaitu 50%. Secara keseluruhan pencapaian *outcome* adalah seperti di Jadual 25.

## iii. Penilaian Outcome Program Skim Sokongan Pembangunan Usahawan Pertengahan (SSPUP)

Program Skim Sokongan Pembangunan Usahawan Pertengahan (SSPUP) adalah melibatkan pelaksanaan aktiviti bimbingan dan pembangunan perniagaan secara bersepadu bagi melahirkan syarikat EKS bumiputera di peringkat pertengahan yang berdaya saing. Bantuan sokongan adalah meliputi aspek pembangunan produk, promosi dan pemasaran serta menaik taraf premis perniagaan.

Skop penilaian adalah meliputi penilaian keberkesanan pelaksanaan program SSPUP dari aspek Program Pembangunan Produk. Program Pembangunan Pembungkusan serta Program Promosi & Pemasaran. Sasaran *output* bagi aspek pembangunan produk adalah melibatkan 30 syarikat dalam mesin alatan, 30 syarikat bagi pensijilan. Pencapaian yang diperolehi adalah 31 syarikat dibimbing bagi mesin alatan, manakala 36 syarikat bagi pensijilan.

Bagi pembangunan pembungkusan pula, sasaran sebanyak 25 syarikat dibimbing dan PERDA berjaya mencapai sasaran membimbing 25 syarikat.

Manakala promosi dan pemasaran 47 syarikat disasarkan terlibat dalam aktiviti pemasaran di peringkat tempatan dan 20 syarikat di peringkat luar negara. Pencapaian sebenar adalah 45 menerima faedah bagi promosi tempatan dan 20 syarikat bagi promosi luar negara.

Bagi sasaran *outcome* pula, sasaran peningkatan nilai jualan adalah dapat melibatkan 15 syarikat dengan nilai jualan melebihi 20% setahun. Pencapaian sebenar diperolehi adalah 18 syarikat berjaya meningkatkan nilai jualan 20% setahun. Sasaran perluasan pasaran ditetapkan adalah 10 syarikat berjaya menembusi pasaran antarabangsa dan pencapaian sebenar yang diperolehi adalah 8 syarikat menembusi pasaran antarabangsa.

Hasil dari penilaian ini mendapati matlamat program untuk melahirkan syarikat EKS bumiputera di peringkat pertengahan yang berdaya saing tercapai, namun program ini perlu ditambah baik dari masa ke semasa bagi memastikan usahawan yang dibimbing dapat berdiri teguh dengan sendiri tanpa mengharapkan kepada bantuan kerajaan semata-mata.

Secara keseluruhan kesan pencapaian *outcome* dapat dilihat seperti di Jadual 26 berikut.

| INDIKATOR PENCAPAIAN | | | |
|---|---|---|---|
| **OUTPUT** | | **OUTCOME** | |
| SASARAN | *SEBENAR* | SASARAN | *SEBENAR* |
| • 32 peserta (KIR)<br>• 1 Aktiviti projek peningkatan pendapatan SPKR<br>• 63 peserta (KIR & AIR)<br>• 2 Aktiviti/kursus latihan kemahiran (*soft skill*)<br>• 2,344 peserta (KIR & AIR)<br>• 3 Aktiviti program Kesejahteraan Rakyat | • *32 peserta (KIR)*<br>• *1 Aktiviti projek peningkatan pendapatan SPKR*<br>• *63 peserta (KIR & AIR)*<br>• *2 Aktiviti/kursus latihan kemahiran (soft skill)*<br>• *2,344 peserta (KIR & AIR)*<br>• *3 Aktiviti program Kesejahteraan Rakyat* | • 80% peserta melepasi (PGK)<br>• 50% peserta keluar senarai PGK. | • *90% peserta melepasi (PGK)*<br>• *56% peserta keluar senarai PGK.* |

***JADUAL 25*** *: Outcome Program Skim Pembangunan Kesejahteraan Rakyat (SPKR)*

| INDIKATOR PENCAPAIAN | | | |
|---|---|---|---|
| **OUTPUT** | | **OUTCOME** | |
| SASARAN | *SEBENAR* | SASARAN | *SEBENAR* |
| 1. Pembangunan Produk<br>i. Mesin/Alatan 30 syarikat<br>ii. Pensijilan 30 syarikat<br><br>2. Pembangunan Pembungkusan 25 syarikat<br><br>3. Promosi & Pemasaran<br>i. Tempatan 47 syarikat<br>ii. Luar negara 20 syarikat | *1. Pembangunan Produk*<br>*i. Mesin/Alatan 31 syarikat*<br>*ii. Pensijilan 36 syarikat*<br><br>*2. Pembungkusan Pembungkusan 25 syarikat*<br><br>*3. Promosi & Pemasaran*<br>*i. Tempatan 45 syarikat*<br>*ii. Luar negara 21 syarikat* | 1. Peningkatan Nilai Jualan<br>15 syarikat berjaya meningkatkan nilai jualan melebihi 20% setahun.<br><br>2. Perluasan Pasaran<br>10 syarikat berjaya menembusi pasaran produk ke peringkat antarabangsa. | *1. Peningkatan Nilai Jualan*<br>*18 syarikat berjaya meningkatkan nilai jualan melebihi 20% setahun.*<br>• *31%,14 syarikat nilai jualan tahunan >1juta*<br>• *17%, 8 syarikat nilai jualan tahunan > RM 600 ribu*<br><br>*2. Perluasan Pasaran*<br>*8 syarikat berjaya menembusi pasaran produk ke peringkat antarabangsa.* |

***JADUAL 26*** *: Outcome Program Skim Sokongan Pembangunan Usahawan Pertengahan (SSPUP)*

# iv. Penilaian *Outcome* Mutiara Program Didik Cemerlang Akademik (MPDCA)

Program MPDCA adalah merupakan program yang amat memberi kesan terhadap pembangunan akademik kumpulan sasar. Matlamat kajian ini adalah ini menilai keberkesanan pelaksanaan Mutiara PDCA dalam meningkatkan prestasi pencapaian akademik pelajar UPSR di sekolah-sekolah bimbingan.

Sasaran *output* pelaksanaan adalah melibatkan 47 buah sekolah dan pelaksanaan sebenar mencapai 47 buah sekolah. Sasaran yang kedua adalah melibatkan peserta seramai 3,000 orang pelajar dan pencapaian sebenar melibatkan 3,900 peserta. Sasaran bilangan program yang akan dilaksanakan adalah sebanyak tujuh program dan pelaksanaan sebenar mencapai 21 program dapat dilaksanakan.

Manakala sasaran *outcome* pula iaitu tiga sekolah bimbingan PERDA berada dalam kelompok 20 sekolah terbaik dalam UPSR. Pencapaian diperolehi adalah dua sekolah sahaja berada dalam 20 sekolah terbaik. Sasaran berikutnya adalah 10% pelajar sekolah bimbingan PERDA memperolehi 5A, 10% memperolehi 4A dan 12% memperolehi 3A dalam UPSR. Pencapaian sebenar yang diperolehi adalah 8.28% pelajar bimbingan PERDA memperolehi 5A, 8.21% memperolehi 4A dan 10.59% memperolehi 3A dalam UPSR.

Manakala sasaran peratus lulus UPSR adalah 75% dan pencapaian sebenar adalah 71.90% lulus UPSR.
Hasil daripada penilaian yang dilaksanakan mendapati bahawa program ini dapat meningkatkan prestasi pencapaian akademik pelajar dan dapat memberi impak dalam meningkatkan tahap sosioekonomi masyarakat luar bandar.

Jadual 27 menunjukkan keseluruhan pencapaian *outcome* Mutiara PDCA tahun 2015.

| INDIKATOR PENCAPAIAN | | | |
|---|---|---|---|
| ***OUTPUT*** | | ***OUTCOME*** | |
| **SASARAN** | ***SEBENAR*** | **SASARAN** | ***SEBENAR*** |
| 1. 7 buah sekolah rendah mendapat manfaat. | 1. *47 buah sekolah rendah mendapat manfaat.* | 1. 3 sekolah kebangsaan bimbingan PERDA berada dalam kelompok 20 sekolah terbaik dalam peperiksaan UPSR | 1. *2 sekolah kebangsaan bimbingan PERDA berada dalam kelompok 20 sekolah terbaik dalam peperiksaan UPSR* |
| 2. 3,000 peserta mendapat manfaat. | 2. *3,900 orang pesesrta mendapat manfaat.* | 2. 10% pelajar sekolah bimbingan PERDA peroleh 5A, 10% memperolehi 4A dan 12% memperoleh 3A dalam peperiksaan UPSR | 2. *8.28% pelajar sekolah bimbingan PERDA peroleh 5A, 8.21% memperolehi 4A dan 10.59% memperoleh 3A dalam peperiksaan UPSR* |
| 3. 7 program dapat dilaksanakan. | 3. *21 program dapat dilaksanakan.* | 3. Peratus lulus UPSR mencapai 75%. | 3. *Peratus lulus UPSR adalah 71.90%.* |

***JADUAL 27*** : *Outcome Program Mutiara PDCA Tahun 2015*

## v. Penilaian *Outcome* Program Pembangunan Usahawan Mikro (Promosi Dan Pemasaran)

Manakala dari aspek pengukuran *outcome* program, 40.8% dari jumlah syarikat yang dibimbing memperolehi peningkatan jualan tahunan melebihi 15%. Dari jumlah usahawan yang dibimbing 15.5% dari syarikat telah mendapat pengiktirafan. Hasil dari penilaian ini mendapati program yang dilaksanakan ini dapat meningkatkan pembangunan usahawan kearah yang lebih baik, namun aspek penambahbaikan perlu diambil bagi memastikan usahawan yang dibimbing lebih berdaya saing tanpa mengharapkan bantuan kerajaan semata-mata. Pencapaian penilaian *outcome* Usahawan Mikro keseluruhannya adalah seperti di Jadual 28.

Penilaian ini dilaksanakan adalah untuk menilai keberkesanan Program Pembangunan Usahawan Mikro. Program-program yang dinilai meliputi program latihan pembudayaan usahawan serta program promosi dan pemasaran. Hasil dari penilaian yang dibuat didapati seramai 371 usahawan telah menyertai eskpo di peringkat tempatan dan nasional. Bilangan ini menunjukkan bahawa program yang dilaksanakan ini telah berjaya mencapai sasaran penyertaan iaitu 50 orang peserta. Dari pelaksanaan aktiviti kursus pembangunan usahawan pula, seramai 485 usahawan telah menyertai dan melebihi sasaran yang ditetapkan iaitu 150 peserta.

| INDIKATOR PENCAPAIAN | | | |
|---|---|---|---|
| OUTPUT | | OUTCOME | |
| SASARAN | *SEBENAR* | SASARAN | *SEBENAR* |
| 1. 50 usahawan menyertai ekspo di peringkat tempatan dan nasional. | 1. *371 usahawan menyertai ekspo di peringkat tempatan dan nasional.* | 1. 50% syarikat yang dibimbing mencapai peningkatan nilai jualan tahunan melebihi 15%. | 1. *40.8% syarikat yang dibimbing mencapai peningkatan nilai jualan tahunan melebihi 15%.* |
| 2. 150 usahawan menyertai aktiviti kursus pembangunan usahawan. | 2. *485 usahawan menyertai aktiviti kursus pembangunan usahawan.* | 2. 10% syarikat mendapat pengkitirafan | 2. *15.5% syarikat mendapat pengkitirafan* |
| 3. 40 syarikat dapat memasarkan/mempromosi produk melalui *outlet* strategik. | 3. *Syarikat dapat memasarkan/ mempromos produk melalui outlet strategik* | 3. 10 syarikat/usahawan dapat memperkembangkan pernigaan ke pasaran nasional | 3. *Tiada syarikat dapat memperkembangkan perniagaan ke pasaran nasional.* |

***JADUAL 28*** : *Outcome Program Pembangunan Usahawan MIKRO*

## vi. Penilaian *Outcome* Program PenBEX 2015

Objektif pelaksanaan PenBEX adalah bertujuan untuk memberi platform kepada usahawan memasarkan produk keluaran tempatan di samping memberi pendedahan kepada para usahawan bumiputera dalam persaingan perniagaan.

Komponen PenBEX menyediakan ruang dan peluang perniagaan kepada semua usahawan di wilayah utara khasnya kawasan operasi PERDA untuk memamer, mempromosi dan menjual produk masing-masing.

Antara objektifnya juga adalah untuk meningkatkan penyertaan usahawan/peniaga bumiputera dalam program berbentuk promosi secara tidak langsung dapat meningkatkan nilai jualan dan kontrak tempahan. PenBEX ini juga dapat mewujudkan jalinan strategik dan persaingan sihat antara usahawan.

Sasaran *output* program PenBEX adalah 300 usahawan dapat menyertai aktiviti promosi dan pencapaian sebenar yang diperolehi adalah 374 usahawan dapat menyertai program ini melebihi dari sasaran yang ditetapkan.

Bagi sasaran jumlah pengunjung, PERDA telah mensasarkan bilangan pengunjung seramai 140,000 orang mengunjungi PenBEX.

Daripada penilaian yang dibuat pencapaian sebenar adalah sejumlah 98,824 orang telah mengunjungi PenBEX. Namun sasaran yang ditetapkan tidak mencapai atas beberapa faktor iaitu cuaca dan lain-lain. Bagi sasaran *outcome* pula, sasaran perluasan perniagaan adalah sebanyak 50% selepas menyertai PenBEX. Pencapaian yang diperolehi agak baik iaitu 182% ukuran perluasan pasaran diperolehi selepas menyertai PenBEX.

Sasaran peningkatan pendapatan sebanyak 20% sepanjang PENBEX tidak tercapai iaitu pendapatan usahawan menurun sebanyak 44.78% sepanjang PenBEX berlangsung. Hasil dari penilaian ini mendapati kesan semasa dan selepas pelaksanaan PenBEX 2015 adalah kurang memberansangkan, tindakan penambahbaikan perlu diambil untuk memastikan pelaksanaan pada masa akan datang dapat memberi kesan yang positif kepada kumpulan sasar.

Jadual 29 berikut menunjukkan pencapaian penilaian *outcome* PenBEX 2015 secara keseluruhan.

| INDIKATOR PENCAPAIAN | | | |
|---|---|---|---|
| ***OUTPUT*** | | ***OUTCOME*** | |
| SASARAN | *SEBENAR* | SASARAN | *SEBENAR* |
| 1. 300 usahawan yang mendapat manfaat.<br>2. 140,000 pengunjung yang mengunjungi PenBEX 2015. | *1. 374 usahawan telah mendapat manfaat.*<br>*2. 98,824 pengunjung telah mengunjungi PenBEX 2015.* | 1. Perluasan perniagaan sebanyak 50% selepas menyertai PenBEX 2015.<br>2. Peningkatan pendapatan sebanyak 20% bagi PenBEX 2015.<br>3. Peningkatan jumlah pengunjung sebanyak 30%. | *1. Perluasan perniagaan sebanyak 182% selepas menyertai PenBEX 2015.*<br>*2. Pendapatan menurun sebanyak 44.78% bagi PenBEX 2015.*<br>*3. Penurunan jumlah pengunjung sebanyak 29.4%* |

***JADUAL 29*** : *Outcome Program PenBEX 2015*

## vii. Kajian Impak Program Pembangunan Tenaga Mahir dan Latihan Kemahiran

Tujuan kajian dijalankan ialah untuk melihat keberkesanan atau impak kepada Program Pembangunan Tenaga Mahir dan Latihan Kemahiran bagi tahun 2011-2015. Kajian impak dilaksanakan ini dapat mengukur prestasi atau pencapaian PERDA-TECH dalam mencapai matlamat dan objektif yang ditetapkan. Melalui kajian ini juga, program perancangan pembangunan institusi latihan pada masa hadapan dapat dilaksanakan untuk penambahbaikan.

***Objektif kajian dijalankan ialah :***

Mengkaji keberkesanan pelaksanaan program latihan tenaga mahir.

- *Mengkaji impak sosioekonomi terhadap tahap pendapatan dan pemilikan aset lepasan graduan.*
- *Mengkaji kebolehpasaran lepasan graduan memenuhi permintaan pasaran industri.*
- *Mencadangkan penambahbaikan terhadap program yang dilaksanakan.*

# Impak Program Pembangunan Tenaga Mahir Dan Latihan Kemahiran

## *i. Perubahan Taraf Kehidupan Lepasan Graduan*

a. Objektif program PERDA-TECH untuk menyediakan peluang kepada golongan sasar dalam meningkatkan taraf ekonomi lepasan graduan dan peningkatan taraf hidup tercapai melalui latihan aspek kemahiran tinggi.

b. Lepasan graduan mampu menikmati peningkatan taraf hidup dengan menerima pendapatan lebih daripada RM 1,000.00 sebulan. Sejumlah 31% mampu memiliki motor,15.1% memiliki kereta dan motor. Berasaskan keupayaan memiliki kenderaan memperlihatkan lepasan graduan ini telah berjaya menaikkan taraf kehidupan mereka.

c. Implikasi ini juga memperlihatkan bahawa jika tanpa latihan kemahiran teknikal, lepasan graduan ini akan sukar untuk memperoleh peningkatan taraf kehidupan yang sedemikian.

## *ii. Sosioekonomi Lepasan Graduan*

a. Bersesuaian dengan latihan dan kemahiran yang disediakan oleh PERDA-TECH, majoriti lepasan graduan dapat bekerja di sektor swasta dengan menikmati gaji setimpal. Secara keseluruhan, kursus kimpalan dan pemesinan mendapat permintaan yang tinggi di industri.

b. Pendapatan yang diperolehi oleh lepasan graduan lelaki adalah lebih tinggi dari lepasan graduan perempuan walaupun mereka sama-sama bekerja dalam sektor swasta. Lepasan graduan yang memegang sijil latihan kimpalan mendapat gaji tertinggi berbanding dengan lepasan graduan yang lain.

c. Latihan dan kemahiran yang diberikan kepada lepasan graduan ini amat bermakna kepada kehidupan masa hadapan mereka. Peluang latihan dan kemahiran yang diberikan oleh PERDA-TECH adalah kesempatan untuk mereka menimba pengalaman atau sebagai peralihan bagi mendapatkan pekerjaan serta dapat mengurangkan gejala sosial di kalangan remaja.

d. Kursus-kursus yang diberikan oleh PERDA-TECH adalah berkesan dalam membantu lepasan graduan untuk mendapatkan pekerjaan. Ini dibuktikan dengan peratusan yang masih mencari pekerjaan adalah rendah iaitu 8.1% berbanding dengan peratusan yang telah bekerja iaitu 70.8%.

## iii. Pembentukan Sikap Lepasan Graduan

a. Majoriti lepasan graduan berpendapat bahawa program-program yang ditawarkan telah membantu meningkatkan pengetahuan, berkeyakinan dalam melaksanakan tugas dan meningkatkan kemahiran berfikir secara kritis dan kreatif.

b. Dalam erti kata yang lain, program-program ini berada di dalam landasan yang betul untuk mencapai objektif dalam menyediakan ruang dan peluang untuk mendapat latihan kemahiran teknikal dalam pelbagai bidang.

Secara keseluruhan, lepasan graduan yang mengikuti program-program di PERDA-TECH menunjukkan minat postif mereka terhadap program-program yang mereka ikuti. Persepsi terhadap latihan dan kemahiran yang disediakan adalah baik dan positif.

Berikut adalah cadangan-cadangan yang dikemukakan untuk memperbaiki program-program di PERDA-TECH berdasarkan maklumat dan cadangan yang diperolehi daripada responden kajian:

*a. **Aspek Latihan Kemahiran**:*

*i.* Jaringan dengan industri
*ii.* Menambahkan tempoh masa kursus
*iii.* Menambah masa latihan praktikal
*iv.* Menambahkan elaun bulanan selaras dengan kos sara hidup

*b. **Aspek suasana pembelajaran dan pengajaran:***

*i.* Menyediakan insfrastruktur yang baik
*ii.* Menggunakan teknologi terkini dan mengikut pasaran industri

c. ***Aspek berkaitan persijilan dan peluang menyambung pengajian :***
i. Menambahkan kursus diploma, kursus jangka pendek dan pengajian secara luar kampus
ii. Menambah nilai program dengan sijil professional
iii. Kerjasama dengan universiti tempatan

d. ***Aspek perkhidmatan kemudahan asas :***
i. Kemudahan penginapan asrama perlu dibaiki
ii. Menyediakan kemudahan jalur lebar (*Wi-Fi*) di asrama
iii. Kemudahan peralatan sukan ditambah

e. ***Aspek pembinaan sahsiah semasa menjalani latihan :***
i. Meningkatkan disiplin pelajar
ii. Menambah kegiatan ko-kurikulum dan riadah
iii. Penglibatan ibu-bapa dalam program motivasi dan program-program lain

Hasil kajian menunjukkan bahawa, pelaksanaan program latihan kemahiran di PERDA-TECH telah menepati matlamatnya dan wajar diberikan tumpuan yang berterusan untuk kelangsungan golongan belia meningkatkan kemahiran.




# 12

# DIARI PERISTIWA PERDA 2015












*9 Januari 2015*
***Misi PERDA Prihatin*** *- Bantuan kemanusiaan kepada mangsa banjir di Gua Musang, Kuala Krai, Kelantan*







*13 - 15 Februari 2015*
*Lawatan Datuk Seri Othman bin Mahmood, Timbalan Ketua Setiausaha Kanan (TKSUK), JPM Bersama Ahli Lembaga Perolehan (B) PERDA Ke Projek-Projek Pembangunan PERDA*




*8 - 9 Februari 2015*
*Bengkel Business Model Canvas Kroh Inn Pengkalan Hulu Perak*




*8 Mac 2015*
*Majlis Pelancaran Centre Of Advance Skills (CoAS) Institut Kemahiran Tinggi PERDA (PERDA-TECH)*








*10 - 12 April 2015*
*Bakti Siswa PERDA-TECH 2015, Kg. Jalan Bharu Balik Pulau, Pulau Pinang*







*24 April 2015*
*Majlis Anugerah Perkhidmatan Cemerlang 2014*

*30 April 2015*
*Majlis Anugerah Kecemerlangan Mutiara PDCA 2014*
*dan Pelancaran Mutiara PDCA 2015*





3 Mei 2015
*Program Walkabout Di Homestay Kota Aur*





13 Mei 2015
*Majlis Pelancaran Projek Pembangunan PERDA Food Park Fasa 1D*







30 Mei - 7 Jun 2015
*Ekspo Usahawan Bumiputera Pulau Pinang (PenBEX) ke-14 dan Ekspo Hartanah Bumiputera Pulau Pinang (ProBEX)*





*4 Jun 2015*
*Lawatan Kerja Dato' Ahmad Zaki  Ansore bin Mohd Yusof, Ketua Pengarah ICU JPM ke PERDA*






*12  Jun 2015*
*Majlis Menandatangani Memorandum Persefahaman Antara PERDA dan FAMA*





*9 Julai 2015*
*Program Ihya Ramadhan PERDA 2015*






*24 Julai 2015*
*Majlis Persaraan Pengurus Besar PERDA*










*27 Julai 2015*
*Majlis Sambutan Aidilfitri PERDA 2015 Bersama TYT Yang Dipertua Negeri Pulau Pinang*







*13 Ogos 2015*
*Program Tanggungjawab Sosial (CSR) di PPKR Tok Alang, Tasek Gelugor, Pulau Pinang*






*17 Ogos 2015*
*Majlis Menandatangani Perjanjian Sewa Rumah Taman Desa Rakyat, PPKR Tok Alang, Tasek Gelugor, Pulau Pinang*



*14 September 2015*
*Cabutan Undi Kunci Rumah Kos Rendah*
*Taman Kuala Sungai Pinang, Pulau Pinang*



*21 September 2015*
*Majlis Penyerahan Bantuan Mesin /*
*Peralatan Di Bawah Program SPKR PERDA 2015*



*31 Oktober 2015*
*Majlis Konvokesyen Institut Kemahiran Tinggi PERDA (PERDA-TECH) ke 7*






*20 November 2015*
*Majlis Ramah Mesra Guru-Guru MPDCA Bersama YB. Datuk Pengerusi*









*5 Disember 2015*
*Fesyen Show PERDA -TECH 2015 di PERDA City Mall*








*11 Disember 2015*
*Master Chef PERDA*










*14 Disember 2015*
*Majlis Ramah Mesra  Bersama Penduduk Taman Desa Rakyat, Tasek Gelugor*








*14 - 16 Disember 2015*
*Mini Konvokesyen Usahawan Bimbingan Di Bawah Focus Group Pembangunan Usahawan & Koperasi Bumiputera Pulau Pinang*





*18 Disember 2015*
*Majlis Persaraan Hjh. Noraishah Che Dan, Timbalan Pengurus Besar (Pengurusan)*



# 13

# DIARI PERISTIWA PERDA 2015

## PERDA salur bantuan banjir

FAKTA



## Sasar lahir 250 usahawan prafrancaisi



## Usahawan Bumiputera digalak tambah produk alternatif halal

**Kepala Batas**: Usahawan Bumiputera digalakkan menghasilkan lebih banyak produk makanan alternatif halal bagi memenuhi keperluan umat Islam sekali gus membantu menjana ekonomi negara.

Pengerusi Jawatankuasa Forus Group Pembangunan Usahawan Bumiputera dan Koperasi Pulau Pinang, Muhamad Farid Saad berkata, usahawan perusahaan kecil dan sederhana (PKS) boleh mengembangkan usaha terbabit melalui bantuan koperasi.

Beliau yang juga Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Pulau Betong berkata, penghasilan produk halal yang digunakan umat Islam setiap hari terutamanya produk makanan mampu meningkatkan hasil pendapatan usahawan.

"Justeru itu, kita berharap produk yang dihasilkan akan ditambah bagi memastikan pelanggan mempunyai lebih banyak pilihan dalam memilih makanan halal keluaran usahawan tempatan," katanya.

Beliau berkata demikian selepas merasmikan Karnival Mini PenBEX (Ekspo Usahawan Bumiputera Pulau Pinang) 2015 di Vision Park, Bertam, semalam.

Karnival mini anjuran Koperasi Usahawan Groombig Pulau Pinang (KUNANG) itu menjadi salah satu program pengenalan sempena PenBEX yang akan berlangsung dari 30 Mei sehingga 7 Jun ini.

Muhamad Farid berkata, 70 usahawan bernaung di bawah KUNANG dan sebahagian produk yang dikeluarkan turut dipasarkan di tiga cawangan pasar raya Aeon Big di Bukit Minyak, Seberang Jaya dan Alor Setar.

"Ia adalah pencapaian baik dan sebuah kedai dua tingkat di daerah Seberang Perai Utara (SPU) akan diubahsuai bagi membolehkan produk ahli dipasarkan dengan lebih sistematik," katanya.



*Muhd Farid (kanan) **melawat gerai jualan** Karnival Mini PenBEX di Vision Park Kepala Batas, semalam.* FOTO DANIAL SAAD/OTI

## Pertukangan besi Pekan Darat berpontensi k



## Panduan kuasai BM









*Shabudin (tiga dari kanan) **menyerahkan replika kunci rumah** kepada Rosmani Salleh pada Majlis Ramah Mesra PERDA di Taman Desa Rakyat, Tasek Gelugor Pulau Pinang, semalam.* FOTO NOR [illegible]

## PERDA perluas jualan rumah kos rendah

**Tasek Gelugor**: Lembaga Kemajuan Wilayah Pulau Pinang (PERDA) akan memperluaskan konsep jualan rumah kos rendah secara sewa beli bagi membantu golongan berpendapatan rendah dan miskin memiliki kediaman sendiri.

Pengerusinya, Datuk Shabudin Yahaya, berkata pihaknya sedang mengkaji kos dan membuat penilaian untuk melaksanakan konsep itu supaya lebih ramai golongan Bumiputera berpendapatan rendah dapat membeli rumah kos rendah.

Beliau berkata, PERDA sudah melaksanakan projek perumahan kos rendah menggunakan konsep sewa beli membabitkan 57 unit rumah di Taman Desa Rakyat di sini, dan sudah didiami keluarga miskin termasuk ahli keluarga menghidap penyakit dan orang kurang upaya (OKU).

"Kita menerima lebih 300 ke 400 permohonan untuk membeli rumah melalui konsep sewa beli, namun daripada jumlah itu kita hanya memilih 57 pembeli saja melalui beberapa proses dan syarat ditetapkan.

"Menyedari konsep sewa beli ini mendapat sambutan ramai, kita mengambil inisiatif menjual rumah kos rendah menggunakan kaedah ini," katanya pada Majlis Ramah Mesra PERDA, di sini, semalam.

PERDA kini dalam proses menyiapkan 200 unit rumah kos rendah di Ara Kuda, dekat sini, yang turut akan melaksanakan konsep sewa beli.

## Bantuan Perda buka peluang perniagaan





# 14

# PENYATA KEWANGAN PERDA 2015

*Berakhir 31 Disember 2015*

**LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA**
**MENGENAI PENYATA KEWANGAN**
**LEMBAGA KEMAJUAN WILAYAH PULAU PINANG**
**BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2015**

## Laporan Mengenai Penyata Kewangan

Penyata Kewangan Lembaga Kemajuan Wilayah Pulau Pinang dan Kumpulan telah diaudit oleh wakil saya yang merangkumi Lembaran Imbangan Pada 31 Disember 2015 dan Penyata Pendapatan, Penyata Perubahan Dalam Ekuiti serta Penyata Aliran Tunai bagi tahun berakhir pada tarikh tersebut, ringkasan polisi perakaunan yang signifikan dan nota penjelasan lain.

*Tanggungjawab Lembaga Pengarah Terhadap Penyata Kewangan*

Lembaga Pengarah bertanggungjawab terhadap penyediaan dan persembahan penyata kewangan tersebut yang saksama selaras dengan piawaian pelaporan kewangan yang diluluskan di Malaysia dan Akta Lembaga Kemajuan Wilayah Pulau Pinang 1983 (Akta 282). Lembaga Pengarah juga bertanggungjawab terhadap kawalan dalaman yang ditetapkan perlu oleh pengurusan bagi membolehkan penyediaan penyata kewangan yang bebas daripada salah nyata yang ketara sama ada disebabkan oleh fraud atau kesilapan.

*Tanggungjawab Juruaudit*

Tanggungjawab saya adalah memberi pendapat terhadap penyata kewangan tersebut berdasarkan pengauditan yang dijalankan. Pengauditan telah dilaksanakan mengikut Akta Audit 1957 dan piawaian pengauditan yang diluluskan di Malaysia. Piawaian tersebut menghendaki saya mematuhi keperluan etika serta merancang dan melaksanakan pengauditan untuk memperoleh jaminan yang munasabah sama ada penyata kewangan tersebut bebas daripada salah nyata yang ketara.

Pengauditan meliputi pelaksanaan prosedur untuk memperoleh bukti audit mengenai amaun dan pendedahan dalam penyata kewangan. Prosedur yang dipilih bergantung kepada pertimbangan juruaudit, termasuk penilaian risiko salah nyata yang ketara pada penyata kewangan sama ada disebabkan oleh fraud atau kesilapan. Dalam membuat penilaian risiko tersebut, juruaudit mempertimbangkan kawalan dalaman yang bersesuaian dengan entiti dalam penyediaan dan persembahan penyata kewangan yang memberi gambaran yang benar dan saksama bagi tujuan merangka prosedur pengauditan yang bersesuaian tetapi bukan untuk menyatakan pendapat mengenai keberkesanan kawalan dalaman entiti tersebut. Pengauditan juga termasuk menilai kesesuaian polisi perakaunan yang diguna pakai dan kemunasabahan anggaran perakaunan yang dibuat oleh pengurusan serta persembahan penyata kewangan secara menyeluruh.

Saya percaya bahawa bukti audit yang saya peroleh adalah mencukupi dan bersesuaian untuk dijadikan asas bagi pendapat audit saya.

*Pendapat*

Pada pendapat saya, penyata kewangan ini memberikan gambaran yang benar dan saksama mengenai kedudukan kewangan Lembaga Kemajuan Wilayah Pulau Pinang dan Kumpulan pada 31 Disember 2015 dan prestasi kewangan serta aliran tunainya bagi tahun berakhir pada tarikh tersebut selaras dengan piawaian pelaporan kewangan yang diluluskan di Malaysia.

Saya telah mempertimbangkan penyata kewangan dan laporan juruaudit bagi semua syarikat subsidiari yang tidak diaudit oleh saya seperti yang dinyatakan dalam nota kepada penyata kewangan. Saya berpuas hati bahawa penyata kewangan berkenaan telah disatukan dengan Penyata Kewangan Lembaga Kemajuan Wilayah Pulau Pinang dalam bentuk dan kandungan yang sesuai dan wajar bagi tujuan penyediaan penyata kewangan. Saya juga telah menerima maklumat dan penjelasan yang memuaskan sebagaimana yang dikehendaki bagi tujuan tersebut. Laporan juruaudit mengenai penyata kewangan syarikat subsidiari berkenaan tidak mengandungi sebarang pemerhatian yang boleh menjejaskan penyata kewangan.

**(LT KOL (K) DATUK HJ. ANWARI BIN SURI)**
b.p. KETUA AUDIT NEGARA
MALAYSIA

PUTRAJAYA
8 OGOS 2016

LEMBAGA KEMAJUAN WILAYAH PULAU PINANG (PERDA)
**(Ditubuhkan di Malaysia Mengikut Akta 282, 1983)**

## PENYATA PENGERUSI DAN SEORANG AHLI LEMBAGA PENGARAH

Kami DATUK HAJI SHABUDIN BIN YAHAYA dan HAJI ROSMAN BIN HASHIM yang merupakan Pengerusi dan salah seorang Ahli Lembaga Pengarah Lembaga Kemajuan Wilayah Pulau Pinang (PERDA) dengan ini menyatakan bahawa pada pendapat Ahli-ahli Lembaga Pengarah, Lembaran Imbangan, Penyata Pendapatan, Penyata Perubahan Dalam Ekuiti dan Penyata Aliran Tunai Lembaga Kemajuan Wilayah Pulau Pinang (PERDA) dan Kumpulan yang berikut ini beserta dengan nota-nota di dalamnya adalah disediakan untuk menunjukkan gambaran yang benar dan saksama berkenaan dengan kedudukan Lembaga Kemajuan Wilayah Pulau Pinang (PERDA) dan Kumpulan pada 31 Disember 2015, dan hasil kendaliannya serta perubahan kedudukan kewangan Lembaga Kemajuan Wilayah Pulau Pinang (PERDA) dan Kumpulan bagi tahun berakhir pada tarikh tersebut.

Bagi Pihak Lembaga

Nama : DATUK HAJI SHABUDIN BIN YAHAYA

Gelaran : Pengerusi

Tarikh : 28 Julai 2016

Butterworth, Pulau Pinang

Bagi Pihak Lembaga

Nama : HAJI ROSMAN BIN HASHIM

Gelaran : Ahli Lembaga Pengarah

Tarikh : 28 Julai 2016

Butterworth, Pulau Pinang

LEMBAGA KEMAJUAN WILAYAH PULAU PINANG (PERDA)
**(Ditubuhkan di Malaysia Mengikut Akta 282, 1983)**

## PENGAKUAN OLEH PEGAWAI UTAMA YANG BERTANGGUNGJAWAB KE ATAS PENGURUSAN KEWANGAN BADAN BERKANUN

Saya, NOR RIYANA BINTI RAMLI, No. K/P:740326-02-5990 pegawai utama yang bertanggungjawab ke atas pengurusan kewangan Lembaga Kemajuan Wilayah Pulau Pinang (PERDA) dengan ikhlasnya mengakui bahawa Lembaran Imbangan, Penyata Pendapatan, Penyata Perubahan Dalam Ekuiti dan Penyata Aliran Tunai Lembaga Kemajuan Wilayah Pulau Pinang (PERDA) dan Kumpulan yang berikut ini beserta dengan nota-nota di dalamnya, mengikut sebaik-baiknya pengetahuan dan kepercayaan saya, adalah betul dan saya buat ikrar ini dengan sebenarnya mempercayai bahawa ianya itu adalah benar dan atas kehendak-kehendak Akta Akuan Berkanun, 1960.

Sebenarnya dan sesungguhnya ]
diakui oleh penama di atas di ]
Butterworth, Pulau Pinang pada ]
25/7/2016 ]

PENGURUS KEWANGAN

Di hadapan saya,

PESURUHJAYA SUMPAH
No:P158
NADZRI ABDUL MAJID
MALAYSIA
No 23, Tingkat 1,
Jalan Usahawan 4,
Pusat Perniagaan Kepala Batas
13200 Kepala Batas,
Pulau Pinang.

## LEMBAGA KEMAJUAN WILAYAH PULAU PINANG (PERDA)
### (Ditubuhkan di Malaysia Mengikut Akta 282, 1983)

### LEMBARAN IMBANGAN PADA 31 DISEMBER 2015

| | Nota | KUMPULAN 2015 RM | KUMPULAN 2014 RM | PERDA 2015 RM | PERDA 2014 RM |
|---|---|---|---|---|---|
| Hartanah, Loji dan Peralatan | 4 | 89,087,918 | 83,799,592 | 85,194,381 | 79,547,609 |
| Hartanah Pelaburan | 5 | 35,255,000 | 21,120,000 | 35,255,000 | 21,120,000 |
| Tanah Dipegang Untuk Pembangunan | 6 | 196,945,332 | 207,035,379 | 196,945,332 | 207,035,379 |
| Pelaburan Dalam Syarikat Subsidiari | 7 | - | - | 1,250,000 | 1,250,000 |
| Terimaan Jangka Panjang | 8 | 9,668,034 | 9,053,650 | 9,668,034 | 9,053,650 |
| | | 330,956,284 | 321,008,621 | 328,312,747 | 318,006,638 |
| **ASET SEMASA** | | | | | |
| Hartanah Pembangunan | 9 | 19,243,993 | 16,741,727 | 12,546,122 | 13,064,000 |
| Inventori | 10 | 8,615,293 | 13,014,469 | 8,315,633 | 12,904,230 |
| Penghutang Perniagaan | 11 | 24,527,331 | 27,741,255 | 24,527,331 | 27,741,255 |
| Penghutang Tabung Akaun Khas MPBPP | 12 | 111,002,635 | 84,716,208 | 111,002,635 | 84,716,208 |
| Amaun terhutang daripada Syarikat Subsidiari | | - | - | 8,679,720 | 474,061 |
| Deposit dan Prabayar | | 5,699,986 | 3,310,863 | 1,370,771 | 964,461 |
| Bahagian Semasa Bagi Terimaan Jangka Panjang | 8 | 652,507 | 540,818 | 652,507 | 540,818 |
| Penghutang Pelbagai | | 15,210 | 12,528 | 15,210 | 12,528 |
| Cukai | | 36,443 | - | 36,443 | - |
| Simpanan Tetap | 13 | 117,667,930 | 105,504,049 | 114,647,800 | 97,483,919 |
| Wang di Bank dan di Tangan | 14 | 30,208,918 | 102,076,526 | 30,019,357 | 101,654,746 |
| | | 317,670,246 | 353,658,443 | 311,813,529 | 339,556,226 |
| **TANGGUNGAN SEMASA** | | | | | |
| Pemiutang Perniagaan | | 9,041,179 | 14,049,989 | 9,041,179 | 14,041,000 |
| Pemiutang Pelbagai | | 4,942,452 | 12,441,430 | 112,412 | 109,369 |
| Deposit dan Bayaran Terakru | | 6,108,613 | 5,785,741 | 6,095,412 | 5,776,741 |
| Bahagian Semasa Pinjaman Kerajaan Persekutuan | 15 | 4,030,481 | 2,180,751 | 4,030,481 | 2,180,751 |
| Cukai | | - | 523,437 | - | 252,437 |
| | | 24,122,725 | 34,981,348 | 19,279,484 | 22,360,298 |
| **ASET BERSIH SEMASA** | | 293,547,521 | 318,677,095 | 292,534,045 | 317,195,928 |
| | | 624,503,805 | 639,685,716 | 620,846,792 | 635,202,566 |
| **DIBIAYAI OLEH:** | | | | | |
| Pemberian Kerajaan Persekutuan | 16 | 208,271,811 | 211,138,598 | 206,203,308 | 208,070,095 |
| Pemberian Kumpulan Wang Rezab | | 548,381 | 548,381 | 548,381 | 548,381 |
| Kumpulan Wang Pinjaman | 17 | 13,500,000 | 13,500,000 | 13,500,000 | 13,500,000 |
| Akaun Amanah | 18 | 13,997,299 | 12,320,786 | 13,997,299 | 12,320,786 |
| Tabung Akaun Khas MPBPP | | 137,188,448 | 169,716,208 | 137,188,448 | 169,716,208 |
| Kelebihan Pendapatan Terkumpul | | 217,938,538 | 210,066,460 | 216,412,428 | 208,705,613 |
| | | 591,444,477 | 617,290,433 | 587,849,864 | 612,861,083 |
| **TANGGUNGAN JANGKA PANJANG DAN TERTUNDA:** | | | | | |
| Pinjaman Kerajaan Persekutuan | 15 | 2,241,170 | 4,114,590 | 2,241,170 | 4,114,590 |
| Cukai Tertunda | | 62,400 | 53,800 | - | - |
| Pinjaman Akaun Khas MPBPP | | 27,241,865 | 14,713,000 | 27,241,865 | 14,713,000 |
| Pinjaman Projek Komersial | | 3,513,893 | 3,513,893 | 3,513,893 | 3,513,893 |
| | | 33,059,328 | 22,395,283 | 32,996,928 | 22,341,483 |
| **JUMLAH PEMBIAYAAN DAN REZAB** | | 624,503,805 | 639,685,716 | 620,846,792 | 635,202,566 |

***Penyata ini hendaklah dibaca bersama-sama dengan nota-nota yang dikembarkan***

## LEMBAGA KEMAJUAN WILAYAH PULAU PINANG (PERDA)
### (Ditubuhkan di Malaysia Mengikut Akta 282, 1983)

### PENYATA PENDAPATAN BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2015

| | Nota | KUMPULAN 2015 RM | KUMPULAN 2014 RM | PERDA 2015 RM | PERDA 2014 RM |
|---|---|---|---|---|---|
| **JUMLAH PENDAPATAN** | | 64,967,843 | 101,645,010 | 59,899,100 | 96,555,767 |
| Pemberian Kerajaan Persekutuan | | 31,984,301 | 49,096,085 | 30,984,301 | 49,096,085 |
| Pendapatan Projek Usahasama | | 13,643,142 | 18,970,695 | 13,643,142 | 18,970,695 |
| Hasil Jualan Rumah | | 2,559,091 | 18,033,508 | 2,559,091 | 18,033,508 |
| Keuntungan Simpanan Tetap | | 3,418,589 | 3,517,363 | 3,093,896 | 3,086,216 |
| Keuntungan Simpanan Semasa | | 95,078 | 320,435 | 92,975 | 316,372 |
| Jualan Tapak Industri | | 5,958,640 | 3,769,514 | 5,958,640 | 3,769,514 |
| Sewaan dan Pajakan Tanah | | 2,485,641 | 2,749,054 | 1,389,919 | 1,920,500 |
| Sewaan Gerai | | 339,705 | 355,345 | 326,405 | 341,380 |
| Pendapatan Pelbagai | | 3,505,691 | 4,792,457 | 872,766 | 980,943 |
| Pengurangan Hutang Ragu | | 881,347 | - | 881,347 | - |
| Keuntungan Atas Premium Insurans | | 96,618 | 40,554 | 96,618 | 40,554 |
| **JUMLAH PERBELANJAAN** | | 56,197,325 | 81,366,500 | 51,395,567 | 77,171,664 |
| Emolumen | 19 | 13,803,111 | 13,986,241 | 13,803,111 | 13,986,241 |
| Perkhidmatan dan Bekalan: | | | | | |
| Perbelanjaan Perjalanan dan Sara Hidup | | 513,333 | 331,183 | 513,333 | 331,183 |
| Perhubungan Utiliti | | 1,208,184 | 675,680 | 1,208,184 | 675,680 |
| Sewaan | | 179,119 | 202,141 | 179,119 | 202,141 |
| Bekalan Bahan Mentah dan Bahan Penyelenggaraan | | 141,948 | 151,715 | 141,948 | 151,715 |
| Bekalan dan Bahan-Bahan Lain | | 413,361 | 456,278 | 413,361 | 456,278 |
| Penyenggaraan dan Pembaikan Kecil | | 1,079,609 | 1,516,963 | 1,079,609 | 1,516,963 |
| Perkhidmatan Ikhtisas dan Hospitaliti | | 1,281,635 | 1,370,776 | 1,281,635 | 1,370,776 |
| Pemberian Dalam Negeri | | 18,510 | 40,177 | 18,510 | 40,177 |
| Bayaran-Bayaran Lain | | 1,623,400 | 1,775,591 | 1,623,400 | 1,775,591 |
| Kos Rumah Siap | | 4,216,446 | 20,572,095 | 4,216,446 | 20,572,095 |
| Kos Tapak Industri | | 3,777,484 | - | 3,777,484 | - |
| Faedah Atas Pinjaman Kerajaan Persekutuan | | 1,450 | 333,792 | 1,450 | 333,792 |
| Pelunasan Belanja Pembangunan | | 6,486,696 | 11,875,711 | 5,486,696 | 11,875,711 |
| Susutnilai | | 3,350,468 | 4,885,945 | 3,065,496 | 4,504,415 |
| Pelupusan Harta | | 1,427,025 | - | 1,427,025 | - |
| Hapuskira | | 270,087 | 46,802 | 19,622 | 46,802 |
| Hutang Lapuk | | 253,620 | - | 253,620 | - |
| Pelupusan Kos Tanah Projek Usahasama | | 9,746,739 | 15,672,549 | 9,746,739 | 15,672,549 |
| Hutang Ragu | | - | 269,816 | - | 269,816 |
| Kerugian Rosotnilai Aset | | 1,370,317 | - | 1,370,317 | - |
| Cukai dan Pelbagai | | 5,034,783 | 7,203,045 | 1,768,462 | 3,389,739 |
| **KELEBIHAN PENDAPATAN BAGI TAHUN SEBELUM CUKAI** | | 8,770,518 | 20,278,510 | 8,503,533 | 19,384,103 |
| Cukai | 20 | (898,440) | (1,197,891) | (796,718) | (850,647) |
| **KELEBIHAN PENDAPATAN BAGI TAHUN SELEPAS CUKAI** | | 7,872,078 | 19,080,619 | 7,706,815 | 18,533,456 |

***Penyata ini hendaklah dibaca bersama-sama dengan nota-nota yang dikembarkan***

## LEMBAGA KEMAJUAN WILAYAH PULAU PINANG (PERDA)
**(Ditubuhkan di Malaysia Mengikut Akta 282, 1983)**

## PENYATA PERUBAHAN DALAM EKUITI
## BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2015

| | KUMPULAN WANG PENGURUSAN | KUMPULAN WANG PEMBANGUNAN | KUMPULAN WANG REZAB | JUMLAH |
|---|---|---|---|---|
| **KUMPULAN** | RM | RM | RM | RM |
| Baki Pada 1 Januari 2014 | (10,135,120) | 200,842,363 | 278,599 | 190,985,842 |
| *Pelarasan Belanja Terlebih Nyata* | (1) | - | - | (1) |
| Lebihan/(Kurangan) Selepas Cukai | (8,472,676) | 27,553,295 | - | 19,080,619 |
| Baki Pada 31 Disember 2014 | (18,607,797) | 228,395,658 | 278,599 | 210,066,460 |
| Baki Pada 1 Januari 2015 | (18,607,797) | 228,395,658 | 278,599 | 210,066,460 |
| Lebihan/(Kurangan) Selepas Cukai | (7,127,254) | 14,999,332 | - | 7,872,078 |
| Baki Pada 31 Disember 2015 | (25,735,051) | 243,394,990 | 278,599 | 217,938,538 |
| **PERDA** | | | | |
| Baki Pada 1 Januari 2014 *Pelarasan Tahun Sebelum* | (10,135,120) | 200,028,679 | 278,599 | 190,172,158 |
| *Pelarasan Belanja Terlebih Nyata* | (1) | - | - | (1) |
| Lebihan/(Kurangan) Selepas Cukai | (8,472,676) | 27,006,132 | - | 18,533,456 |
| Baki Pada 31 Disember 2014 | (18,607,797) | 227,034,811 | 278,599 | 208,705,613 |
| Baki Pada 1 Januari 2015 | (18,607,797) | 227,034,811 | 278,599 | 208,705,613 |
| Lebihan/(Kurangan) Selepas Cukai | (7,127,254) | 14,834,069 | - | 7,706,815 |
| Baki Pada 31 Disember 2015 | (25,735,051) | 241,868,880 | 278,599 | 216,412,428 |

***Penyata ini hendaklah dibaca bersama-sama dengan nota-nota yang dikembarkan***

## LEMBAGA KEMAJUAN WILAYAH PULAU PINANG (PERDA)
### (Ditubuhkan di Malaysia Mengikut Akta 282, 1983)
### PENYATA ALIRAN TUNAI
### BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2015

| | KUMPULAN | | PERDA | |
|---|---|---|---|---|
| | 2015 RM | 2014 RM | 2015 RM | 2014 RM |
| **ALIRAN TUNAI BAGI AKTIVITI OPERASI** | | | | |
| Kelebihan Pendapatan Bagi Tahun Sebelum Cukai | 8,770,518 | 20,278,510 | 8,503,533 | 19,384,103 |
| Pelarasan Untuk: | 16,699,257 | 13,533,714 | 9,723,216 | 13,587,394 |
| Susutnilai Hartanah, Loji dan Peralatan | 3,350,468 | 4,885,945 | 3,065,496 | 4,504,415 |
| Keuntungan Penjualan Hartanah, Loji dan Peralatan | 1,427,025 | - | 1,427,025 | - |
| Faedah Dibayar | 1,450 | 333,792 | 1,450 | 333,792 |
| Dividen Diterima | (96,618) | (40,554) | (96,618) | (40,554) |
| Faedah Diterima | (3,513,667) | (3,837,798) | (3,186,871) | (3,402,588) |
| Peruntukan Hutang Ragu | - | 269,816 | - | 269,816 |
| Pelarasan Susut Nilai Aset | 4,111 | - | 4,111 | - |
| Kerugian Atas Pelupusan Harta | 1,370,317 | - | 1,370,317 | - |
| Pelarasan Aset | 1,631,988 | - | 1,631,988 | - |
| Hapuskira | 270,087 | 46,802 | 19,622 | 46,802 |
| Pelunasan Pemberian Kerajaan Persekutuan | 12,254,096 | 11,875,711 | 5,486,696 | 11,875,711 |
| **KEUNTUNGAN SEBELUM PERUBAHAN MODAL KERJA** | 25,469,775 | 33,812,224 | 18,226,749 | 32,971,497 |
| **PERUBAHAN MODAL KERJA** | (35,752,314) | (9,099,358) | (31,258,786) | (7,748,454) |
| Inventori | 4,399,176 | 7,649,680 | 4,588,597 | 7,708,900 |
| Hartanah Pembangunan | (2,502,266) | 8,189,450 | 517,878 | 10,089,324 |
| Akaun Belum Terima | (25,464,308) | (38,113,972) | (31,687,154) | (39,187,546) |
| Akaun Belum Bayar | (12,184,916) | 13,175,484 | (4,678,107) | 13,640,868 |
| **TUNAI DIGUNAKAN DARI AKTIVITI OPERASI** | (10,282,539) | 24,712,866 | (13,032,037) | 25,223,043 |
| Cukai Dibayar | (1,458,320) | (1,285,139) | (1,085,598) | (941,969) |
| Pelarasan Cukai Tertunda | 8,600 | 53,800 | - | - |
| Faedah Dibayar | (1,450) | (333,792) | (1,450) | (333,792) |
| **TUNAI BERSIH DARI AKTIVITI OPERASI** | (11,733,709) | 23,147,735 | (14,119,085) | 23,947,282 |
| **ALIRAN TUNAI BAGI AKTIVITI PELABURAN** | (44,628,237) | (39,757,052) | (44,778,042) | (36,352,567) |
| Perbelanjaan Pembangunan Tanah | 10,090,046 | 11,129,080 | 10,090,046 | 11,129,080 |
| Pembelian Hartanah, Loji dan Peralatan | (10,544,982) | (36,596,183) | (10,367,987) | (32,756,484) |
| Pelupusan Hartanah, Loji dan Peralatan | (1,370,317) | - | (1,370,317) | - |
| Pembelian/(Pelarasan) Hartanah Pelaburan | (14,135,000) | 2,698,154 | (14,135,000) | 2,698,154 |
| Terimaan/(Perbelanjaan) Akaun Amanah | 1,676,514 | (7,200,203) | 1,676,512 | (7,200,205) |
| Terimaan/(Perbelanjaan) Tabung Akaun Khas MPBPP | (32,527,758) | (13,666,252) | (32,527,760) | (13,666,254) |
| Hasil/(Kos) Pelupusan/Hapuskira Hartanah, Loji dan Peralatan | (1,427,025) | - | (1,427,025) | - |
| Dividen Diterima | 96,618 | 40,554 | 96,618 | 40,554 |
| Faedah Diterima | 3,513,667 | 3,837,798 | 3,186,871 | 3,402,588 |

***Penyata ini hendaklah dibaca bersama-sama dengan nota-nota yang dikembarkan***

## LEMBAGA KEMAJUAN WILAYAH PULAU PINANG (PERDA)
### (Ditubuhkan di Malaysia Mengikut Akta 282, 1983)
### PENYATA ALIRAN TUNAI
### BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2015

| | KUMPULAN | | PERDA | |
|---|---|---|---|---|
| | 2015 RM | 2014 RM | 2015 RM | 2014 RM |
| **ALIRAN TUNAI DARIPADA AKTIVITI PEMBIAYAAN** | (3,341,781) | (38,054,060) | 4,425,619 | (40,054,060) |
| Pemberian Kerajaan Persekutuan | (15,120,883) | (34,354,896) | (7,353,483) | (36,354,896) |
| Kumpulanwang Pinjaman | (726,073) | (1,601,840) | (726,073) | (1,601,840) |
| Bayaran Balik Pinjaman Kerajaan Persekutuan | (23,690) | (2,097,324) | (23,690) | (2,097,324) |
| Pinjaman Akaun Khas MPBPP | 12,528,865 | - | 12,528,865 | - |
| **TUNAI DAN KESETARAAN TUNAI** | | | | |
| Pertambahan/(Pengurangan) Dalam Tahun | (59,703,727) | (54,663,377) | (54,471,508) | (52,459,345) |
| Tunai dan Kesetaraan Tunai: | | | | |
| Baki Pada Awal Tahun | 207,580,575 | 262,243,952 | 199,138,665 | 251,598,010 |
| Baki Pada Akhir Tahun | 147,876,848 | 207,580,575 | 144,667,157 | 199,138,665 |

| Tunai dan Kesetaraan Tunai di atas diwakili oleh: | 2015 RM | 2014 RM | 2015 RM | 2014 RM |
|---|---|---|---|---|
| Simpanan Tetap (Nota 13) | 117,667,930 | 105,504,049 | 114,647,800 | 97,483,919 |
| Tunai di Bank dan di Tangan (Nota 14) | 30,208,918 | 102,076,526 | 30,019,357 | 101,654,746 |
| | 147,876,848 | 207,580,575 | 144,667,157 | 199,138,665 |

***Penyata ini hendaklah dibaca bersama-sama dengan nota-nota yang dikembarkan***

**KUMPULAN WANG YANG DISATUKAN**
**NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN**
**BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2015**

## 1. AKTIVITI UTAMA

Aktiviti-aktiviti utama PERDA adalah seperti berikut :

(a) Memaju, menggalak, membantu dan mengusahakan pembangunan ekonomi, sosio-ekonomi dan infrastruktur dalam kawasan operasi.

(b) Memaju, menggalak, memudah dan mengusahakan pembangunan perumahan, perindustrian, perdagangan, keusahawanan dan sumber manusia.

(c) Mengawal dan menyelaras perlaksanaan pembangunan Pusat Pertumbuhan Desa dan program-program yang diamanahkan oleh Kementerian yang bertanggungjawab dan Kerajaan Negeri.

Aktiviti utama syarikat subsidiari adalah seperti yang dinyatakan di Nota 7.

Lokasi perniagaan PERDA adalah di No. 1, Lorong Kampung Gajah 2, Jalan Kampung Gajah, 12200 Butterworth, Pulau Pinang.

## 2. DASAR-DASAR PERAKAUNAN UTAMA

### (a) Asas Perakaunan

(i) Penyata Kewangan PERDA disediakan berasaskan konvension kos sejarah, kecuali disebut sebaliknya di dalam penyataan dasar perakaunan sepertimana mengikut arahan yang terkandung dalam Seksyen 23 Akta 282, Akta Lembaga Kemajuan Wilayah Pulau Pinang 1983 dan Piawaian Laporan Entiti Persendirian (PERS).

(ii) Penyata Kewangan Lembaga Kemajuan Wilayah Pulau Pinang bagi tahun berakhir 31 Disember 2015 telah diluluskan oleh Lembaga Pengarah melalui Resolusi Pekeliling Bil.(2)/2016, bertarikh 28 Julai 2016.



LEMBAGA KEMAJUAN WILAYAH PULAU PINANG (PERDA)
(Ditubuhkan di Malaysia Mengikut Akta 282, 1983)

### (b) Asas Penyatuan

#### (i) Subsidiari

Penyata kewangan yang disatukan meliputi penyata kewangan PERDA dan syarikat subsidiarinya yang telah disediakan sehingga akhir tahun kewangan. Subsidiari-subsidiari adalah entiti di mana PERDA mempunyai kepentingan ekuiti jangka panjang dan kuasa untuk melaksanakan kawalan terhadap polisi-polisi kewangan dan operasi untuk memperolehi manfaat daripada aktiviti-aktivitinya.

Subsidiari disatukan menggunakan kaedah perakaunan pengambilalihan. Di bawah kaedah perakaunan pengambilalihan ini, hasil daripada subsidiari yang diambilalih atau dilupuskan sepanjang tahun kewangan dimasukkan ke dalam penyata pendapatan yang disatukan dari tarikh pelaksanaan pengambilalihan berkuatkuasa atau sehingga tarikh pelaksanaan pelupusan berkuatkuasa, mengikut kesesuaian.

Aset dan liabiliti subsidiari diukur pada nilai saksama pada tarikh pengambilan dan nilai ini ditunjukkan ke dalam lembaran imbangan yang disatukan. Perbezaan di antara kos pengambilalihan dan nilai saksama bahagian PERDA daripada aset bersih subsidiari yang diambilalih pada tarikh pengambilalihan dimasukkan ke dalam lembaran imbangan yang disatukan sebagai Muhibbah ke atas penyatuan dan dicaj kepada penyata pendapatan pada tahun ia diambilalih atau rizab ke atas penyatuan dan tidak disusutnilaikan.

Transaksi di dalam Kumpulan, baki dan keuntungan belum direalisasi yang terhasil dihapuskan semasa penyatuan. Penyata kewangan disatukan hanya menggambarkan transaksi dengan pihak ketiga sahaja. Kerugian belum direalisasi telah dihapuskan semasa penyatuan melainkan kos tersebut tidak boleh dikutip semula.

**(b) Asas Penyatuan (Samb.)**

**(i) Subsidiari (Samb.)**

Kepentingan pemegang saham minoriti dinyatakan pada nisbah minoriti ke atas nilai saksama aset dan liabiliti yang diiktiraf.

Di mana perlu, pelarasan dibuat ke atas penyata kewangan entiti-entiti subsidiari untuk memastikan keseragaman polisi perakaunan dibandingkan dengan Kumpulan.

**(ii) Entiti Bersekutu**

Entiti bersekutu adalah entiti di mana PERDA mempunyai kepentingan ekuiti jangka panjang dan di mana ia melaksanakan pengaruh penting tetapi tiada kawalan terhadap polisi-polisi kewangan dan operasi.

Pelaburan dalam entiti-entiti bersekutu dinyatakan menggunakan kaedah perakaunan ekuiti berdasarkan penyata kewangan terakhir yang telah diaudit atau penyata kewangan pengurusan entiti-entiti bersekutu tersebut. Perakaunan ekuiti melibatkan pengiktirafan bahagian keuntungan/(kerugian) entiti-entiti bersekutu pada tahun kewangan tersebut. Pelaburan PERDA di dalam entiti bersekutu dibawa ke dalam lembaran imbangan pada amaun yang menggambarkan bahagian aset bersih entiti bersekutu dan termasuk Muhibbah ke atas pengambilalihan. Perakaunan ekuiti tidak akan diteruskan bilamana nilai yang dibawa di dalam entiti bersekutu mencecah sifar, melainkan Kumpulan mempunyai obligasi atau obligasi jaminan di dalam entiti bersekutu.

Untung belum direalisasi di dalam transaksi di antara Kumpulan dan entiti-entiti bersekutu telah dihapuskan sehingga tahap kepentingan Kumpulan di dalam entiti tersebut. Rugi belum direalisasi juga dihapuskan melainkan kos tidak dapat dipulihkan.



**(b) Asas Penyatuan (Samb.)**

**(ii) Entiti Bersekutu (Samb.)**

Di mana perlu, pelarasan dibuat ke atas penyata kewangan entiti-entiti bersekutu untuk memastikan keseragaman polisi perakaunan dibandingkan dengan Kumpulan.

**(c) Hartanah, Loji dan Peralatan**

Hartanah, loji dan peralatan adalah dinyatakan pada kos setelah ditolak susutnilai terkumpul. Hartanah, loji dan peralatan yang dipermodalkan adalah yang bernilai RM 2,000 ke atas mulai tahun 2014.

Keuntungan atau kerugian dari pelupusan aset ditentukan melalui perbezaan di antara anggaran hasil jualan bersih dan nilai aset yang dibawa dan diambil kira ke dalam penyata pendapatan.

Selain daripada kerja dalam pelaksanaan dan tanah, hartanah, loji dan peralatan disusutnilaikan berdasarkan garis lurus untuk menghapuskan kos harta dalam jangka masa hayat kegunaan harta-harta tersebut. Susutnilai bagi dikenakan pada bulan di mana hartanah, loji dan peralatan itu dibeli. Kerja dalam pelaksanaan tidak disusutnilaikan dan dipindahkan ke kategori hartanah, loji dan peralatan apabila kerja pembinaan tamat.

Kadar-kadar susutnilai tahunan yang digunakan adalah seperti berikut :

| | |
|---|---|
| Ubahsuai Bangunan Pejabat | 20% - 100% setahun |
| Motor Kenderaan | 20% setahun |
| Perabot dan Lengkapan | 10% setahun |
| Alatan Pejabat | 10% setahun |
| Alat Audio dan Fotografi | 20% setahun |
| Bangunan Tetap | 2%-20% setahun |
| Bangunan Sementara | 20%-100% setahun |

**(c) Hartanah, Loji dan Peralatan (Samb.)**

| | |
|---|---|
| Kemudahan-Kemudahan | 100% setahun |
| Kenderaan dan Jentera | 20% setahun |
| Harta-Harta Modal Yang Lain | 20% setahun |
| Tanah Milik Bebas | Tidak disusutnilaikan |
| Tanah Pajakan | 99 Tahun atau mengikut usia pajakan |

Tanah pajakan dilunas mengikut usia pajakannya. Pelunasan tanah pajakan yang dibiayai daripada peruntukan Kerajaan Persekutuan adalah dihapuskira terhadap peruntukan Kerajaan Persekutuan. Manakala pelunasan tanah pajakan yang dibiayai dari pinjaman Kerajaan Persekutuan atau sumber sendiri adalah dihapuskira dalam Penyata Pendapatan.

**(d) Tanah Dipegang Untuk Pembangunan**

